

MADKHAL PEMBANGUNAN KANDUNGAN

NAMA KURSUS / TOPIK:

Pengenalan bagi Ilmu Aqidah

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN: -

- (a) Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tentang konsep sebenar Aqidah Islam yang berasaskan Al-Quran dan Sunnah serta pandangan para ulama Islam
- (b) Pembelajaran Aqidah Islam bertujuan untuk mengukuhkan keyakinan individu terhadap ajaran-ajaran dasar Islam dengan memahami konsep-konsep penting dalam rukun Iman, seperti beriman kepada Allah, Rasul, Malaikat, Kitab, Hari Kiamat serta Qada' dan Qadar
- (c) Pembelajaran Aqidah membantu individu untuk meningkatkan kesedaran spiritual. Ia termasuk membina hubungan yang lebih kukuh dengan Allah, menyemai rasa syukur serta meningkatkan kesedaran akan hakikat yang sebenar hidup di dunia dan akhirat
- (d) Menyuburkan rasa kesedaran serta sebagai refleksi diri dengan mengetahui perkara-perkara Sam'iyyat seperti alam barzakh, Mahsyar serta neraka dan syurga Allah dalam proses membentuk peribadi muslim yang lebih baik

BAHAGIAN-BAHAGIAN:

Bahagian A: Topik-topik bagi Sesi Modul (1-5) dan Isi kandungan utama.....	3-7
Bahagian B: Material Modul bagi Sesi 1-5.....	7-67
Bahagian C: Rujukan	68

SESI PERTAMA: PENGENALAN AQIDAH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pemahaman tentang Aqidah:** Memahami dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan Aqidah Islam. Selain itu, peserta juga akan dapat mengenalpasti ciri-ciri Aqidah Islam secara ilmiah
- b) **Pemahaman tentang Sumber Aqidah:** Mempelajari berkenaan sumber-sumber Aqidah. Ia terbahagi kepada dua iaitu sumber wahyu dan sumber akal. Sumber wahyu adalah terdiri daripada Al-Quran dan Sunnah serta disusuli sumber-sumber yang lain seperti Ijma', akal dan fitrah
- c) **Pemahaman tentang Kepentingan Aqidah Islam:** Aqidah Islam memberikan panduan dan arah yang jelas dalam menjalani kehidupan. Dengan memahami Aqidah Islam, seseorang dapat mengetahui tujuan hidupnya dan bagaimana cara mencapainya.

2. MASA KURSUS: 30 Minit

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan		2 Minit	
Definisi Aqidah	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan Aqidah dari sudut bahasa dan istilah 	6 Minit	
Sumber & Ciri-ciri Aqidah Islam	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber Wahyu • Sumber Akal • Ciri-ciri keunggulan dan keistimewaan yang tersendiri 	10 Minit	
Sejarah Ringkas Perkembangan Ilmu Aqidah	<ul style="list-style-type: none"> • Zaman Rasulullah • Zaman Khulafa Ar-Rasyidin • Zaman Umayyah & Abbasiyah 	10 Minit	
Penutup		2 Minit	

SESI KEDUA: PENGENALAN ILMU TAUHID

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pemahaman tentang Definisi Ilmu Tauhid:** Mengenalpasti apakah yang dimaksudkan dengan tauhid secara bahasa dan istilah
- b) **Mengenali Bahagian Tauhid:** Pendedahan mengenai tiga bahagian yang penting dalam tauhid iaitu tauhid al-uluhiiyah, tauhid al-rububiyyah, dan tauhid al-asma' dan al-sifat
- c) **Mengenali Siapakah Ahli Sunnah Wal-Jamaah :** Mengetahui dan mengenal secara ilmiah apakah yang dimaksudkan dengan golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah, serta prinsip ASWJ bagi memantapkan serta mempertahankan Aqidah yang sebenar

2. MASA KURSUS: 30 Minit

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan		2 Minit	
Definisi Ilmu Tauhid	<ul style="list-style-type: none"> ● Menerangkan Tauhid dari sudut bahasa dan istilah 	6 Minit	
Bahagian Tauhid, Kepentingannya	<ul style="list-style-type: none"> ● Tauhid Uluhiyyah ● Tauhid Rububiyyah ● Tauhid Asma wa Sifat ● Kepentingan Mempelajari Ilmu Tauhid 	10 Minit	
Ahli Sunnah Wal Jamaah	<ul style="list-style-type: none"> ● Definisi/Dalil ● Ciri-ciri pegangan ASWJ ● Amaran Syara' terhadap golongan yang tidak berpegang kepada ASWJ 	10 Minit	
Penutup		2 Minit	

SESI KETIGA: BERIMAN KEPADA ALLAH & MALAIKAT

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Memahami Definisi Iman Secara Ilmiah:** Mempelajari secara teori makna Iman dan tahkiknya (Pelaksanaan)
- b) **Mengetahui Sifat Allah :** Mengenali sifat-sifat Allah SWT dan pembahagianNya
- c) **Pemahaman tentang Malaikat :** Pendedahan berkaitan asal usul penciptaan Malaikat, sifat, nama serta tugas mereka

2. MASA KURSUS: 30 Minit

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan		2 Minit	
Beriman kepada Allah	<ul style="list-style-type: none"> ● Apa itu Iman ● Definisi Percaya Kepada Allah ● Tahqiq (Pelaksanaannya) 	10 Minit	
Konsep Sifat Allah	<ul style="list-style-type: none"> ● Sifat-sifat Allah (<i>Nafsiyyah, Salbiyyah, Ma'ani & Ma'nawiyyah</i>) 	6 Minit	
Beriman Kepada Malaikat	<ul style="list-style-type: none"> ● Definisi ● Dalil beriman kepada Malaikat ● Cara Beriman dengan Malaikat ● Asal Kejadian dan bilangan ● Nama Malaikat beserta tugas ● Sifat Malaikat 	10 Minit	
Penutup		2 Minit	

SESI KEEMPAT: BERIMAN KEPADA RASUL & KITAB

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Pendedahan tentang Nubuwwat** : Memahami dan mengimani konsep Rasul dan kenabian serta sifat-sifat mereka
- b) **Mengenali Rasul Ulul ‘Azmi** : Mempelajari konsep Rasul Ulul Azmi melalui pembuktian mukjizat yang diberikan Allah kepada mereka
- c) **Mengidentifikasi Nama kitab** : Mengenali 4 kitab utama yang diturunkan kepada para rasul terpilih

2. MASA KURSUS: 30 Minit

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan		2 Minit	
Beriman Kepada Rasul	<ul style="list-style-type: none"> ● Definisi ● Hakikat Kenabian ● Tugas Rasul ● ‘Ismah (Pemeliharaan) Rasul ● Sifat Wajib, Mustahil dan Harus bagi Rasul 	12 Minit	
Rasul Ulul ‘Azmi	<ul style="list-style-type: none"> ● Definisi Rasul Ulul ‘Azmi ● Nama Rasul Ulul ‘Azmi ● Mukjizat 	8 Minit	
Beriman kepada Kitab	Definisi Nama Kitab serta Rasul terpilih Keistimewaan Al-Quran berbanding kitab-kitab lain	6 Minit	
Penutup		2 Minit	

SESI KELIMA: BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT SERTA QADA DAN QADAR

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) **Memahami Konsep Hari Akhirat :** Mengetahui akan konsep mempercayai hari akhirat berlandaskan sumber Al-Quran dan Sunnah
- b) **Pemahaman Tentang Perkara Sam'iyyat:** Mengenali konsep-konsep seperti peristiwa kiamat, alam kubur serta syurga, dan neraka
- c) **Mendalami Hakikat Sebenar Qada' dan Qadar :** Memahami dan yakin terhadap qada' dan qadar Allah SWT

2. MASA KURSUS: 34 Minit

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN	SPEAKER
Pendahuluan		2 Minit	
Beriman kepada Hari Akhirat	<ul style="list-style-type: none"> ● Definisi dan kronologi ringkas ● Nama lain bagi hari kiamat ● Tanda-tanda Kiamat (Kecil dan Besar) 	10 Minit	
Perkara-perkara Sam'iyyat yang berlaku selepas kematian	<ul style="list-style-type: none"> ● 10 Perkara (<i>Disoal dalam Kubur, Azab & Nikmat Kubur, Tiupan Sangkakala, Mahsyar, Telaga Kauthar, Syafaat, Timbangan, Titian Sirat, Qantharah, Syurga & Neraka</i>) 	10 Minit	
Beriman kepada Qada' dan Qadar	<ul style="list-style-type: none"> ● Definisi ● Martabat Qadar ● Perbezaan Qada' dan Qadar ● Ketentuan Allah SWT tidak Menolak Ikthiar Manusia 	10 Minit	
Penutup		2 Minit	

SECTION B: MATERIAL

NOTA SESI PERTAMA: PENGENALAN AQIDAH

PENDAHULUAN

Sebagai permulaan bagi sesi pertama, mari sama-sama kita mengahayati petikan hadith riwayat Abu Daud yang dinukilkhan daripada Mu'awiyah bin Abi Sufian RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

أَلَا إِنَّ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَىٰ تِسْعَةِ سَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ هَذِهِ الْمِلَّةُ سَتَفَرَّقُ عَلَىٰ ثَلَاثَةِ سَبْعِينَ: تِسْعَانَ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

Maksudnya: "Ketahuilah sesungguhnya golongan ahli kitab sebelum kamu berpecah kepada 72 atau 73 golongan. Dan golongan ini (Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan akan ke neraka dan satu golongan akan ke syurga iaitu al-Jemaah."

Berdasarkan hadith di atas, hanya terdapat satu golongan sahaja yang diizinkan Allah masuk ke dalam syurga. Oleh itu, mari sama-sama kita pelajari dan memahami Aqidah yang sebenar yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW supaya tergolong dalam golongan yang dimasukkan Allah ke dalam syurgaNya

❖ Definisi

Kalimah Aqidah dikenali sebagai ikatan, الرابط الإحکام simpulan, kemantapan, kekuahan, saling bersimpul kuat. Kalimah jama' atau pluralnya ialah 'aqa-id. Secara literalnya, Aqidah adalah suatu ikatan(pegangan) yang teguh, iltizam yang kuat, serta pemberian dan pemutusan mengenai sesuatu kedudukan yang lengkap dan sempurna tanpa ada sebarang syak dan keraguan padanya (al-Irtibat al-Wathiq wa al-Iltizam al-Qawiyy wa al-Tasdiq wa al-Jazm al-kamil duna shakk aw ribah)

Kalimah al-'Aqd العقد berlawanan dengan al-Hill الحل yang bermaksud merungkai. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Maidah, ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَدَّتُمُ الْأَيْمَانَ

Maksudnya: "Allah tidak mengenakan balasan disebabkan sumpah kamu yang tidak sengaja, tetapi Dia menghukum kamu kerana sumpah-sumpah yang telah kamu kukuhkan."

Makna عَدَّتُمُ dalam ayat di atas ialah sumpah yang mempunyai tujuan dan niat. Ayat di atas merupakan ketetapan oleh Allah SWT yang tidak memperakui sumpah tanpa niat. Ia dapat

dirumuskan di sini bahawa niat dan tujuan merupakan aspek yang penting dilihat oleh Allah termasuklah dalam konteks pegangan atau pendirian seseorang.

Bahasa : Aqidah bermaksud pegangan kepercayaan yang membenarkan sesuatu tanpa keraguan. Ia merupakan ikatan antara akal dengan hati yang meyakini Allah SWT menggunakan manjah Ilahi yang disampaikan oleh para Rasul.

Ikatan yang disebut di atas mestilah dalam bentuk yang kuat dan kukuh dan mempunyai ciri keteguhan dan tetap padanya. Al Quran menggambarkan kepercayaan ini sebagai suatu ‘tali ikatan yang kukuh’. Ini bermaksud sekiranya manusia berpegang secara teguh dengan prinsip-prinsip ajaran yang dibawa oleh para Rasul dan beriman kepada Allah SWT, maka dia telah berpegang dengan tali ikatan yang kukuh dan kuat. Seperti firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 256:

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ فَمَن يَكْفُرُ بِالْأَطْعُونَ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقَى لَا أُنْفِضَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ

Maksudnya: Tidak ada paksaan dalam (menganut) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas (perbedaan) antara jalan yang benar dengan jalan yang sesat. Barang siapa ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sungguh, dia telah berpegang (teguh) pada tali yang sangat kuat yang tidak akan putus. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui

Istilah: Perkara-perkara yang wajib dibenarkan oleh hati, jiwa merasai tenang dengannya sehingga menghasilkan keyakinan yang tetap tidak bercampur dengan sebarang keraguan. (*Lihat al-Wajiz Fi 'Aqidah al-Salaf al-Saleh oleh 'Abdullah bin Abd al-Hamid al-Athari, hal. 29*)

Imam Sayyid Sabiq :

Menghuraikan pengertian Aqidah atau keimanan berdasarkan kepercayaan kepada enam perkara berikut:

1. Makrifat kepada **Allah SWT**: iaitu mengenali nama-nama-Nya mulia dan sifat-sifat-Nya yang tinggi. Mengenal bukti-bukti kewujudan- Nya dan kenyataan sifat keagungan-Nya di alam semesta dan di dunia ini.
2. Makrifat kepada **Malaikat**: Mengenali makhluk Allah yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia seperti malaikat, iblis dan para tenteranya yang terdiri daripada syaitan. Di samping itu, mengenal makhluk lain seperti jin dan roh yang wujud di alam ini
3. Makrifat dengan **kitab-kitab Allah SWT** yang diturunkan sebagai batas untuk mengetahui yang hak dan batil, kebaikan dan kejahatan, halal dan haram serta baik dan buruk
4. Makrifat dengan **para Nabi Allah SWT** dan **rasul-rasul-Nya** yang dipilih sebagai pembimbing hidayah, juga sebagai pemimpin seluruh makhluk ke arah yang hak

5. Makrifat kepada **hari Akhirat** dan peristiwa-peristiwa seperti kebangkitan dari kubur, balasan pahala dan seksaan serta syurga dan neraka
6. Makrifat kepada **takdir(Qada dan Qadar)** atas segala peraturan di alam ini sama ada dalam penciptaan atau aturan Allah SWT

Berdasarkan keterangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pengertian Aqidah menunjukkan kepada keyakinan yang mantap dan kukuh terhadap rukun iman yang enam, sebagai mana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis berikut yang bermaksud:

"Jibril bertanya: Khabarkan kepadaku tentang iman. Baginda bersabda: Beriman kepada Allah SWT dan para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari akhirat dan beriman kepada qadar-Nya yang baik dan yang buruk. Jibril berkata: Kamu benar."

❖ **Sumber Aqidah Islam**

Aqidah Islam mempunyai sumber-sumbernya yang tersendiri, iaitu mengambil kira sumber wahyu dan sumber akal. Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah berpegang **sumber wahyu iaitu Al-Quran dan Sunnah merupakan sumber utama Aqidah Islam** disusuli sumber-sumber yang lain.

a. **Al Quran**

Al-Quran merupakan kitab suci yang membekalkan manusia seluruh ajaran mengenai prinsip Aqidah. Tanpa al-Quran, manusia tidak akan dapat memikirkan hal-hal yang berkaitan dengan keimanan terhadap Allah SWT, Malaikat, para Rasul a.s., kebangkitan semula manusia selepas mati, neraka, syurga, dan sebagainya kerana akal manusia adalah terbatas. Al-Quran adalah **sumber tertinggi dalam Islam kerana ia adalah wahyu yang datang daripada Allah SWT** dan ketulennannya dijamin oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr, ayat 9 yang maksudnya:

"Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Quran, dan sesungguhnya kami benar-benar memeliharanya."

Kemudian Allah berfirman dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

"...kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah SWT dan rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

"Kembali kepada Allah SWT dan Rasul-Nya" dalam ayat di atas bermaksud kembali merujuk al-Quran dan hadis-hadis sahih dari Rasulullah SAW. Oleh itu dua asas rujukan yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk dijadikan sumber rujukan iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Manusia yang hidup di alam nyata, mempunyai pancaindera

dan akal yang terhad, tidak dapat mengetahui, memikirkan atau menggambarkan perkara ghaib. Oleh itu, dengan roh yang suci, jiwa yang bersih dan pemilihan mereka oleh Allah SWT dalam kalangan manusia, para Nabi dan Rasul menyampaikan wak tentang alam ghaib ini kepada manusia. Wahyu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW mesti dipercayai oleh semua orang Islam tanpa keraguan.

Al-Maydani merumuskan dua kesimpulan penting iaitu:

- Akal manusia secara fitrahnya hanya mengetahui perkara yang berlaku dalam bentuk semasa adalah terasing pengetahuannya berkenaan perkara ghaib
- Umat Islam wajib untuk meyakini perkara-perkara ghaib berdasarkan wahyu yang diturunkan

b. Al-Sunnah

Al-Sunnah atau hadis adalah sumber kedua Aqidah selepas al-Quran. Hadis dari sudut bahasa bermakna "جَدِيدٌ" iaitu **sesuatu yang baru**. Menurut istilah pula, bermaksud segala yang dinukilkhan daripada Rasulullah SAW **sama ada berbentuk perkataan, perbuatan dan pengakuannya (taqrir) terhadap sesuatu dan sifat-sifatnya sama ada sebelum atau selepas kebangkitan baginda SAW**. Al-Sunnah pula dari sudut bahasa bermaksud "الطريق" atau "السيرة" iaitu **perjalanan hidup' dan 'jalan'** sama ada baik atau buruk. Dalam konteks ini ia merujuk kepada sunnah yang baik. Dari segi istilah pula, sinonim dengan hadis. Ia diistilahkan sedemikian kerana setia perkataan, perbuatan, taqrir dan sifat baginda diikuti oleh setiap umat Islam. Al-Sunnah merupakan sumber kedua Aqidah Islam selepas al-Quran. Al-Sunnah dijadikan sumber kerana keimanan kepada perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW termasuk dalam bidang Aqidah, syariat dan akhlak yang wajib diyakini oleh setiap umat Islam. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hasyr, ayat 7 yang bermaksud:

"Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya, dan bertakwalah kamu kepada Allah SWT; Sesungguhnya Allah SWT amatiah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya)."

c. Ijmak

Sumber Ijmak juga diterima sebagai sumber Aqidah asalkan ijmak tersebut tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Al-Quran dan Sunnah. Ijmak bermaksud **persetujuan ahli-ahli Ijtihad selepas kewafatan Baginda Rasulullah SAW pada perkara berkaitan agama dan penentuan hukum**. Imam al-Ghazali Rahimahullah mentakrifkan ijma' dengan: Persepakatan umat Muhammad S.A.W ke atas suatu perkara dari perkara-perkara agama.

Lihat Syarah Mukhtasar Ibn Hajib, Mahmud bin Abd al-Rahman al-Asbahani (1/520)

Mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah (ASWJ) berpendirian mengasihi para sahabat (golongan salaf) yang dipilih Allah SWT untuk bersama-sama Rasulullah SAW. Oleh itu, ASWJ menerima pendapat ijmak sebagai sumber ajaran agama sama ada berbentuk syariah atau Aqidah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dari Ibn Umar r.a. (katanya) "Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, katanya: "Sesungguhnya Allah SWT tidak akan menghimpunkan umatku-atau katanya, umat Muhammad-di atas kesesatan, dan tangan Allah SWT (pertolongan Allah SWT) adalah bersama jamaah (orang Islam), dan sesiapa yang mengasingkan diri (dari jamaah di dunia ini, ia akan mengasingkan diri di dalam neraka kelak"

d. Akal dan Fitrah

Selain daripada tiga sumber yang dinyatakan, sumber akal dan fitrah yang suci tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur hawa nafsu juga boleh dijadikan sumber Aqidah. Sumber akal yang dimaksudkan ialah sumber ilmu daruri yang diketahui kebenarannya secara mudah oleh manusia tanpa berfikir panjang. Allah SWT sendiri dalam banyak ayat-Nya menggalakkan manusia untuk menggunakan akal fikiran. Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf, ayat 185 :

أَوْلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلْكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَىٰ أَنْ يَكُونَ قَدْ أَفْتَرَبَ أَجْلَهُمْ صَفَّيَ حَدِيثٌ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ

"Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah SWT, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka?"

Terdapat pandangan bahawa kaedah atau jalan untuk mencapai makrifatullah hanya satu-satunya menerusi ayat-ayat al-Quran yang boleh dibaca sahaja (ayat maqru'ah), manakala **akal hanya syarat untuk memahami ayat-ayat tersebut kerana tanpa akal, seseorang itu tidak akan dapat mengetahui atau memahami ayat-ayat yang dibacanya dan tanpa berfikir, manusia tidak akan dapat mengenali empunya ayat-ayat tersebut iaitu Allah SWT.** Pandangan ini mengisyaratkan bahawa **akal bukannya sumber Aqidah Islam**, cuma jalan atau wasilah bagi memahami ayat-ayat al-Quran dan hadis yang terkandung di dalamnya prinsip-prinsip Aqidah Islam.

Perbezaan pandangan antara kalangan yang meletakkan akal sebagai sumber Aqidah atau jalan untuk memahami Aqidah bukan merupakan perbezaan yang mendasar kerana penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran mendapati bahawa kitab tersebut banyak **menyeru manusia menggunakan akal bagi memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah SWT** pada diri mereka dan tanda-tanda di sekeliling mereka. Fakta inilah yang mendorong sebilangan ulama untuk mengambil kira akal sebagai perkara asasi bagi mencapai makrifatullah. Kedudukannya adalah sama seperti kedudukan ayat-ayat tersebut juga, bukan sekadar syarat bagi membantu manusia memahaminya.

Perlu dijelaskan di sini bahawa para ulama yang membincangkan persoalan tauhid tidak berpegang pada pandangan akal semata-mata tetapi akal yang berdasarkan perkhabaran sahih yang datang daripada Rasulullah SAW. Akal

menjadi saksi atau bukti kepada syariat tetapi bukan menjadi asas kepada agama. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa pandangan akal yang benar tidak akan menyimpang atau bertentangan dengan syariat. Hal ini sama seperti kedudukan sumber hadis yang sekiranya bercanggah dengan ayat al-Quran, hadis mutawatir dan pandangan akal, maka ulama hadis tidak akan menerimanya.

❖ Ciri-ciri Aqidah Islam

Aqidah mempunyai ciri-ciri keunggulan dan keistimewaan yang tersendiri berbanding kepercayaan menyeleweng yang dianuti oleh penganut agama lain. Antara ciri utama Aqidah Islam ialah:

a. Jelas

Aqidah Islam yang dibawa oleh para Rasul adalah jelas, mudah difahami dan tidak menimbulkan kesulitan kepada manusia untuk memahaminya. Islam menjelaskan kepada umatnya bahawa di sebalik penciptaan alam yang indah dan cantik serta ditadbir berdasarkan aturan-aturan yang tertib dan teratur, terdapat tuhan yakni Allah SWT yang berkuasa menciptakannya. Tuhan ini tiada setara denganNya, tidak mempunyai anak dan isteri bahkan tiada sekutu bagiNya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ikhlas, ayat 1-4:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah SWT yang Maha Esa. Allah SWT yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tiada beranak, dan Dia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa dengan-Nya."

Penyaksian bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah Utusan Allah SWT secara jelas dan terang meletakkan penyaksian, ikrar dan pengiktirafan dengan lisan serta hati terhadap kedudukan Allah SWT sebagai Tuhan yang berhak disembah dan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi yang wajib diikuti. Ia tidak cukup sekadar ucapan, tetapi perlu diyakini dengan hati. Firman Allah dalam Surah al-Zukhruf (43:86) :

وَلَا يَمْلِكُ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ الشَّفَاعَةَ إِلَّا مَنْ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah SWT tidak dapat memberi syafaat; akan tetapi (orang yang dapat memberi syafaat ialah) orang yang mengakui yang hak (tauhid) dan mereka meyakini(nya)."

Dua penyaksian ini diletakkan dalam satu rukun kerana saling berkaitan antara satu sama lain. Setiap amalan tidak akan diterima kecuali mencakupi dua syarat iaitu ditunaikan dengan ikhlas kerana Allah SWT dan amalan tersebut selaras dengan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Ia mudah difahami, jelas dan tegas dengan prinsip yang ditunjangi. Oleh itu Aqidah Islam menyediakan rujukan utama yang wajib dijadikan sandaran iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Sebarang perkara yang bercanggah atau menafikan kedua-dua sumber ini, adalah tertolak dan tidak diterima.

b. Fitrah

Memandangkan Islam adalah agama yang terkandung di dalamnya prinsip-prinsip Aqidah yang datang daripada Allah SWT, maka Aqidah tersebut mengajar manusia mengenali pencipta kepada kewujudan manusia, alam ini serta aturannya. Fakta ini menjelaskan bahawa seluruh prinsip Aqidah adalah bersifat semula jadi, mesra manusia serta mesra alam. Firman Allah dalam Surah al-Rum, ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللّٰهِ الَّتِي فَطَرَ النّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخُلُقِ اللّٰهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: (Setelah jelas kesesatan syirik itu), maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutiah terus) "agama Allah SWT" - iaitu agama yang Allah SWT menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah SWT itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahui"

Manusia sebenarnya telah mengakui kewujudan serta kebesaran Allah SWT sejak dari alam roh lagi. Hal ini terbukti Firman Allah dalam Surah al-A'raf, ayat 172:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَسْنَثَ بِرِّيْكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ نَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Maksudnya: "Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi", yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini"

"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi", yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini"

Bahkan Rasulullah SAW dalam suatu hadisnya pernah menggambarkan bahawa Islam yang didatangkan dari Allah SWT adalah bersih dan sebat dengan fitrah kejadian manusia. Namun fitrah tersebut boleh menjadi kotor atau terpesong dari kejadian asalnya hasil bentuk pendidikan yang diterima oleh seseorang itu daripada orang tuanya yang beragama Yahudi, atau Kristian atau Majusi. Dalam Hadith Riwayat Al-Bukhari(1385) Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبْوَاهُ يُهُودَانِهُ أَوْ يُنَصَّرَانِهُ أَوْ يُمَجَّسَانِهُ

Maksudnya: Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Oleh itu, manusia dilahirkan dengan fitrah oleh Allah SWT, yang menetapkan bahawa mereka adalah hamba kepada Tuhan yang Esa dan hanya Dia yang layak disembah. Selain itu, manusia diarahkan untuk mengikuti ajaran para rasul a.s. dalam amalan dan perintah mereka, serta menjauhi larangan mereka, sesuai dengan fitrah manusia. Manusia juga dibezakan daripada makhluk lain dengan pemberian akal yang memberi mereka kefahaman, pemikiran, dan kebebasan untuk berfikir, serta diberikan pilihan untuk mempunyai pandangan dan berperilaku. Apabila manusia menggunakan akal dan kefahaman mereka dengan berpandukan fitrah, mereka akan berada di atas jalan yang benar, sebagaimana yang diajar oleh para rasul. Akal memperkuat fitrah, sementara fitrah memberikan petunjuk kepada akal untuk tetap teguh di atas jalan kebenaran. Hubungan antara akal dan fitrah adalah saling menguatkan, dan keduanya tidak boleh dipisahkan, karena keduanya memainkan peranan penting dalam menegakkan kebenaran.

c. Tetap

Bertepatan dengan ajaran yang datang daripada Allah SWT, Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, Aqidah Islam adalah tetap dan tidak berubah sepanjang zaman. Aqidah ini, yang bermula sejak penciptaan alam, adalah Aqidah tauhid yang suci dan kekal hingga hari kiamat. Aqidah ini menyeru manusia untuk membebaskan diri dari segala bentuk pengabdian dan

penyembahan kecuali kepada Allah SWT semata-mata. Firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 36:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الْطَاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهَ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسَيِّرُوا فِي الْأَرْضِ فَانْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah SWT dan jauhilah Taghut", maka antara mereka (yang menerima seruan rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah SWT dan ada pula yang berhak ditimpakan mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan rasul-rasul-Nya."

Kepentingan Aqidah Islam terletak pada keutuhan yang kekal dan tidak berubah walaupun sedikit pun. Walaupun zaman dan masyarakat berubah, ajaran tauhid tetap menjadi asas keyakinan bagi setiap Muslim. Ajaran ini telah dibawa oleh setiap rasul, termasuk Rasulullah SAW, sebagai pesanan dan pedoman untuk umat akhir zaman. Berbeza dengan agama-agama lain yang mungkin berubah atau disesuaikan dengan persekitaran dan masa, Aqidah Islam tetap dengan prinsip-prinsipnya yang sesuai untuk segenap tempat dan zaman.

❖ Sejarah Ringkas Perkembangan Ilmu Aqidah

a. Aqidah Zaman Rasulullah SAW (622-632 M)

- Umat Islam pada zaman Rasulullah menerima terus segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW tanpa banyak persoalan yang timbul
- Segala permasalahan serta syubhat diterangkan secara jelas oleh baginda, kerana zaman tersebut adalah zaman wahyu
- Persoalan Aqidah khasnya perkara berkaitan sifat 20 atau sifat ketuhanan tidak timbul

b. Aqidah Zaman Khulafa Ar-Rasyidin

- **Zaman Saidina Abu Bakr RA (632-634 M) dan Saidina Umar Al-Khattab RA (634-644 M)**
 - Umat Islam tidak sempat membahas dasar-dasar Aqidah kerana mereka sibuk menghadapi musuh dan berusaha mempertahankan kesatuan dan kesatuan umat
 - Memahami Al-Quran tanpa takwil (menyerahkan pentakwilan kepada Allah)
 - Mensifatkan Allah dengan apa yang Allah sifatkan sendiri

- Seandainya mereka tidak jelas atau berselisih tentang sesuatu perkara, maka mereka akan rujuk Al-Quran dan Hadith, sekiranya tidak dapat diselesaikan berdasarkan nas-nas tersebut, para sahabat akan menqiyaskan kepada perkara yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW

- **Zaman Saidina Uthman RA (644-656 M)**

- Telah berlaku kepincangan dan pergolakan dalam politik yang berakhir dengan terbunuhnya Saidina Uthman RA
- Maka umat Islam berpecah belah kepada beberapa fahaman dan berpuak-puak serta ingin mempertahankan fahaman masing-masing
- Terbukalah ruang untuk mentakwilkan terhadap nas Al-Quran dan hadith

- **Zaman Saidina Ali RA (656-661 M)**

- Berlakunya tamparan hebat dalam perkembangan Aqidah Islam kerana telah wujud dua kumpulan ajaran yang sesat dari fahaman Islam yang sebenar
- Kumpulan pertama adalah Syiah, iaitu mereka terlampau mengagungkan Saidina Ali RA sehingga mengangkat ke martabat ketuhanan
- Mereka sanggup memalsukan hadith demi melantik Saidina Ali menjadi Khalifah pada ketika itu
- Kumpulan kedua adalah Khawarij, iaitu satu golongan yang terlampau membenci Saidina Ali RA sehingga menghukumnya sebagai seorang yang keluar dari agama Islam yang sebenar

- c. **Aqidah Zaman Umayyah**

- Negara jajahan taklukan Islam semakin berkembang, jadi di sini wujudnya keterbukaan umat Islam dalam memikirkan perkara-perkara berkaitan Aqidah, apatah pula jiwa individu yang baru memeluk Islam masih dipengaruhi oleh unsur agama mereka yang sebelumnya
- Wujud golongan umat Islam yang mempersoal tentang qadar (Qadariyyah) iaitu setiap amal perbuatan manusia tidak ditakdirkan oleh Allah sebaliknya manusia yang berhak menentukannya
- Wujud juga golongan yang menafikan qudrat dan iradat manusia (Jabariyyah) iaitu menidakkan daya upaya manusia dalam melakukan apa jua perkara dan menganggap semua perbuatan dan amal yang mereka lakukan dipaksa atau ditentukan oleh Allah SWT
- Lahirnya golongan yang menafikan sifat-sifat Allah (Muktazilah)

- d. **Aqidah Zaman Abbasiyah (Zaman Keemasan)**

- Ketika ini merupakan zaman keemasan Islam iaitu kebangkitan Islam setelah wafatnya baginda Nabi Muhammad SAW

- Zaman Keemasan dari sudut pemeliharaan Warisan Ilmiah dalam menterjemahkan karya-karya klasik dari bahasa Yunani, Latin, dan lain-lain ke dalam bahasa Arab serta pembangunan Ilmu Kalam melalui sumbangan ulama seperti Imam al-Asya'ari dan Imam al-Maturidi
- Terjadi hubungan pergaulan dengan suku-suku di luar Arab yang mempercepat berkembangnya ilmu pengetahuan. Usaha terkenal pada masa tersebut adalah penterjemahan besar-besaran segala buku falsafah dari Yunani
- Para khalifah menggunakan kepandaian orang Yahudi, Parsi, dan Kristian sebagai penterjemah kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa mereka ke dalam bahasa Arab. Para penterjemah ini berusaha mengembangkan pendapat-pendapat yang berkaitan dengan agama, serta menggunakan falsafah untuk kepentingan mereka. Dengan kedatangan kebudayaan asing itu, lahirlah perbezaan pendapat dalam Ilmu Aqidah
- Mulai dari masa ini, telah muncul gerakan mempergunakan falsafah untuk menetapkan Aqidah-Aqidah Islamiah dan ilmu kalam baru yang tidak ada di masa Rasulullah SAW dan para sahabat. Pada masa ini pula, ilmu kalam mulai dinukilkan dalam tulisan
- Dalam masa ini muncul pendapat-pendapat menyerang fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- Misalnya dilakukan oleh Amar bin Ubaid al-Mu'tazili dalam kitabnya "Ar-Raddu 'ala al-Qadariyah" untuk menolak fahaman Qadariyah. Hisyam bin al-Hakam As-Syafi'i dengan kitabnya "al-Imamah, al-Qadar, al-Raddu 'ala Az-Zanadiqah" untuk menolak fahaman Muktazilah
- Namun demikian golongan Mu'tazilah pada masa khalifah al-Makmun, al-Mu'tasim dan al-Wasiq, telah berjaya menjadikan fahaman mereka menjadi mazhab negara, setelah bertahun-tahun tertindas di bawah Daulah Umayyah
- Pada masa itu, telah munculnya Abu Hasan al-Asy'ari, salah seorang murid tokoh Mu'tazilah al-Jubba'i menentang pendapat gurunya dan membela aliran Ahlussunnah wal Jama'ah. Dia berpandangan "jalan tengah" pendapat Salaf dan penentangnya. Hasan menggunakan dalil naqli dan aqli dalam menentang Mu'tazilah. Usaha ini mendapat dukungan dari Abu al-Mansur al-Maturidi, al-Baqillani, Isfaraini, Imam al-Juwaini, Imam al-Ghazali dan Ar-Razi yang datang sesudahnya

PENUTUP

Oleh itu, dalam memastikan Aqidah yang dipegang tidak bercanggah dengan Islam, maka kita perlu mengambil saranan yang disampaikan dalam hadith riwayat Imam Malik, Rasulullah SAW bersabda:

تَرْكُتُ فِيْكُمْ أَمْرِيْنِ، لَنْ تَضِلُّوْا مَا تَمَسَّكُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللهِ، وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ



Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah Nabi-Nya (Sunnah Nabi SAW)”



NOTA SESI KEDUA: PENGENALAN ILMU TAUHID

PENDAHULUAN

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ الْلَّيلُ رَءَاهُ كُوْكِبًا قَالَ هَذَا رَبِّيٌّ فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْأَنْفَافِينَ ٧٦ فَلَمَّا رَءَاهُ الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَذَا رَبِّيٌّ فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِنْ لَمْ يَهْدِنِي رَبِّيٌّ لَا كُوْنَيْنَ مِنَ الْقَوْمِ الظَّاهِلَيْنَ ٧٧ فَلَمَّا رَءَاهُ الشَّمْسَ بَازِغَةً قَالَ هَذَا رَبِّيٌّ هَذَا رَبِّيٌّ أَكْبَرٌ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَقُومُ إِنِّي بِرِءَاءٍ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ٧٨ إِنِّي وَجَهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ٧٩

Pada permulaan sesi ini, mari kita renungi sebuah peristiwa yang berlaku kepada Nabi Ibrahim AS yang dinukilkan dalam Surah al-An'am, ayat 76-79 di mana secara ringkasnya ia menceritakan saat Nabi Ibrahim AS menyedari bahawa menyembah berhala adalah kesesatan yang nyata.

Nabi Ibrahim AS melihat bintang, bulan, dan matahari sebagai objek penyembahan masyarakatnya. Namun, ketika bintang terbenam, bulan tenggelam, dan matahari terbenam, Ibrahim menyadari bahwa objek-objek tersebut tidak memiliki kekuatan atau keabadian. Ibrahim menyadari bahwa hanya Allah lah yang layak disembah, karena Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Dalam ayat-ayat tersebut, Ibrahim AS berbicara kepada kaumnya tentang keyakinannya yang baru. Dia mencela penyembahan berhala mereka dan mengajak mereka untuk menyembah Allah yang Esa, iaitu pencipta langit dan bumi. Ibrahim juga menjelaskan bahawa tidak ada gunanya menyembah berhala yang tidak mampu memberikan manfaat atau mencegah bahaya.

❖ Definisi Tauhid

Bahasa: Pengertian tauhid berasal daripada bahasa arab , pecahan daripada perkataan wahhada- وَحْدَة - yang umumnya bererti keesaan yakni satu.

Istilah : Mengesakan Allah terhadap apa sahaja yang khusus bagi-Nya seperti ke-llahian, ke-Tuhanan dan nama-nama serta sifat-sifat-Nya.Dengan kata lain, ia menolak perbuatan syirik terhadap Allah. Sebagaimana firman Allah SWT mengenai keesaanNya dalam Surah al-Ikhlas, ayat 1:

فَلْنَ هُوَ أَنَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): Tuhanku ialah Allah Yang Maha Esa

Dalam kitab al-Fiqh al-Akbar, disebutkan tentang prinsip mengenal tauhid yang hak, iaitu dengan merujuk kepada riwayat dari Abu Hanifah ra. Ada satu kelompok dari kalangan ahli kalam yang ingin mempelajarinya bersama beliau untuk mengetahui bagaimana cara menetapkan tauhid al-Rububiyyah. Maka beliau memberikan perumpamaan kepada mereka:

"Beritahu kepadaku sebelum kita membincangkan masalah ini. Sebuah kapal yang dipenuhi dengan muatan seperti makanan dan barang-barang lain pergi dan kembali dengan sendirinya dan berlabuh serta memunggah barang berlaku dengan sendiri, semuanya berlaku tanpa ada orang yang mengendalikannya." Mereka berkata, "Ini mustahil, dan tidak boleh berlaku." Beliau menjawab, "Jika keadaan kapal itu mustahil bagaimana dengan alam ini seluruhnya sama ada di atas atau di bawah"

Imam al-Qusyairi pula berkata: "Tauhid ialah kamu mengenali semua alam yang baharu tercipta dengan sebab Allah, yang berdiri dengan-Nya, manakala Dia-lah yang menjalankannya, menumbuhkannya dan mengekalkannya. Tiada satupun sama ada zarrah atau sekecil-kecilnya dalam mengadakan dan menciptakan, kecuali daripada-Nya."

(Lihat Lataif al-Isyarat, 2/23)

❖ Pembahagian Tauhid

Ilmu tauhid merupakan ilmu yang berkisar dalam tauhid ilahiyyah yang bergabung di dalamnya tiga bahagian yang penting iaitu tauhid al-uluhiiyah, tauhid al-rububiyyah, dan tauhid al-asma wa al-sifat

I. Tauhid al-Uluhiyyah

Pengertian tauhid al-uluhiiyah ialah setiap yang berkaitan dengan perbuatan ibadah kepada Allah seperti solat,doa, puasa dan apa-apa sahaja ibadah yang lain. Makna tauhid al-uluhiiyah bermaksud Allah sahaja yang paling berhak disembah dan jangan sekali-kali menyekutukanNya .

Antara dalil al-Quran yang menyebut perbuatan-perbuatan ibadah seperti doa di dalam firman Allah dalam Surah Al-Ghafir, ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمْ اذْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ
دَاخِرِينَ

Maksudnya : Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombang takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina

Asal pengertian ibadah ialah menyerahkan sepenuhnya keikhlasan terhadap Allah SWT disamping menjadi pengikut Rasulullah SAW yang setia. Segala ibadah yang diajar oleh Rasulullah SAW seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain itu membawa kepada maksud setiap hamba mesti patuh dan taat kepada suruhan Allah Taala dan Rasulnya. Kesetiaan dan keluhuruan tanda keimanan yang kuat, mantap dan kukuh

II. Tauhid al-Rububiyyah

Al-Rububiyyah menjelaskan kepada kita bahawa Allah SWT adalah pencipta seluruh alam ini. Allah SWT melakukannya dengan sendiri. Surah Yunus, ayat 11 telah menjelaskan perkara ini :

فُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمْنٌ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَىَ
مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَىِ وَمَنْ يُدْبِرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ هُنَّ قُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ

Maksudnya: Katakanlah: "Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi, atau siapakah yang kuasa (menciptakan) pendengaran dan penglihatan, dan siapakah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mengatur segala urusan?" Maka mereka akan menjawab: "Allah". Maka katakanlah "Mengapa kamu tidak bertakwa kepada-Nya?"

Alam ini tidak mempunyai dua pencipta yang sama pada sifat dan perbuatan. Inilah yang dikatakan tauhid yang sebenar yang tidak terdapat di dalamnya kesangsian. Pengertian itu merupakan matlamat ahli kalam dan segolongan ahli sufi. Jika berlaku ada dua pencipta nescaya akan berlaku huru-hara dalam pelaksanaan, peraturan dan pentadbiran seperti sebuah kapal dikendalikan dua nakhoda, akibatnya kapal akan berasa

III. Tauhid al-Asma wa al-Sifat

Al-Asma' dan al-Sifat adalah dua nama yang memiliki hubungan yang saling berkait antara satu sama lain dalam perbahasan tauhid. Kedua frasa ini menjelaskan kekayaan zat Allah yang kekal padanya, seperti sifat-sifat keagungan, kecantikan, kesempurnaan, kekuasaan, kehendak, keilmuan, dan kebijaksanaan. Semua sifat ini menegaskan bahwa Allah yang wajib disembah, kerana tidak ada kekurangan pada-Nya.

Pengertian al-Asma' al-Husna:

Asma' Allah atau nama-nama yang indah bagi Allah SWT, semuanya menunjukkan kesempurnaan dan kecantikan maknanya bagi Allah SWT, sebagaimana disebut di dalam Surah Al-A'raf, ayat 180:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سِيِّجْرَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya : Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namanya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.

Pengertian al-Sifat :

Dari sudut istilah Ulama Kalam mentakrifkan kepada sesuatu keadaan disebalik zat atau yang berdiri dengan zatnya dari sifat ma'ani dan sifat nu'ut iaitu bagi Allah mempunyai sifat-sifat ketinggian, kecantikan, keagungan dan kesempurnaan seperti kekuasaan, kehendak, mengetahui dan bijaksana. Oleh itu wajib umat Islam beriman dengan sifat-sifat Allah SWT dengan mengisbatkanNya tanpa ragu-ragu dengan mengingatkan Allah tidak mempunyai bentuk dan tidak menyerupai yang lain dari makhluk. Dalam soal ini Allah Taala menyebut tentang keimanan dengan Allah dan sifat-sifatNya di dalam Surah al-Shura, ayat 11:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Mahamendengar dan melihat

Maka dengan itu, tauhid al-Asma' dan al-Sifat ialah mengesakan Allah SWT dengan asma'Nya dan sifat-sifatNya. Allah SWT telah mengisbatkan di dalam al-Quran mengenai dirinya melalui asma' dan sifat atau melalui Rasulullah SAW yang menerangkan dengan tepat tanpa ada apa-apa perubahan di dalamnya.

Agama Islam melarang keras kepada sesiapa mengaitkan nama atau sifat Allah SWT yang tidak disebut di dalam al-Quran dan hadis, kerana cara yang demikian boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan umat Islam terutama yang berkaitan dengan Allah. Sebaik-baiknya perlu dirujuk melalui sumber al-Quran dan hadis supaya tidak tersesat jalan dalam apa jua kemungkinan yang membawa kepada kesyirikan, maka umat Islam seharusnya sentiasa berhati-hati dalam soal nama-nama Allah dan sifat-sifatnya supaya sentiasa berada di jalan yang betul dan lurus, jika tidak tahu dan tidak faham perlu merujuk kepada para asatizah yang ahli alam bab ini.

❖ Kepentingan Mempelajari Ilmu Tauhid

Mempelajari tauhid memiliki banyak kepentingan dalam kehidupan seorang Muslim. Berikut adalah beberapa di antaranya:

I. Mengenal Allah dengan lebih baik

Tauhid membantu seseorang untuk mengenal Allah secara mendalam, termasuk sifat-sifat-Nya, kehendak-Nya, dan kebijaksanaan-Nya dalam mentadbir alam ini.

II. Menghindari perbuatan mensyirikkan Allah SWT

Kata akronim bagi tauhid(Esa) adalah syirik, yakni menyekutukan Allah. Dengan memahami tauhid, seseorang dapat menghindari perbuatan syirik, iaitu menyekutukan Allah dengan sesuatu benda atau seseorang

III. Membuktikan Islam adalah Agama yang benar berbanding agama lain

Tidak dinafikan bahawa agama lain mengaku adanya tuhan tetapi mereka menyekutukan tuhan yang mereka sembah dengan perkara lain seperti konsep triniti dalam agama kristian iaitu kepercayaan kepada tuhan bapa, tuhan anak(Jesus) dan roh kudus. Maka, jelaslah bahawa ilmu tauhid membezakan Aqidah Islam dengan fahaman agama lain kerana ia berkait dengan keesaan kepada Allah

IV. Mencapai Keredhaan Allah SWT

Keseluruhan amal soleh yang dilakukan untuk mencapai keredhan Allah SWT adalah bergantung penerimaannya di sisi Allah SWT kepada kesahihan Aqidah seseorang. Rosaknya Aqidah membawa kepada rosaknya iman. Adapun rosaknya iman seseorang, menatijahkan kekufuran dan Allah SWT tidak akan menerima amalan daripada orang kafir.

(*Tabsit al-'Aqa'id al-Islamiyyah*, m. 21)

❖ Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan yang dominan di kalangan masyarakat Islam hampir di seluruh dunia khususnya di rantau Asia Tenggara termasuk di negara Malaysia dan di antara negara yang menjadikan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini berdasarkan keputusan dan pengamalan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan para mufti serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah menetapkan bahawa "Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak".

• Definisi

Ahli Sunnah Wal-Jamaah bukanlah suatu mazhab yang diilhamkan oleh para ulama atau nama sebuah parti politik. Sebaliknya ia merupakan istilah yang berpunca daripada nas-nas syarak. Bagi istilah al-Sunnah, Rasulullah SAW pernah mengungkapkannya dengan makna wahyu yang selain daripada al-Qur'an. Baginda SAW bersabda dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi (20123):

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيْكُمْ مَا إِنِّي اغْتَصَمْتُ بِهِ فَلْنَ تَضْلُّوا أَبَدًا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagimana kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah dan sunnah Nabi-Nya."

Istilah "al-Sunnah" juga merujuk kepada segala yang memiliki dasar hukum syar'i, baik berasal dari Al-Qur'an, sunnah Rasulullah SAW, maupun ijтиhad para sahabat. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi (2676):

فَعَلَيْكُمْ بِسُنْنَتِي وَسُنْنَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ

Maksudnya: "Hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah para Khulafa' al-Rashidin al-Mahdiyyin."

Dengan merujuk kepada dalil-dalil tersebut, jelaslah bahwa istilah "al-Sunnah" bukanlah sesuatu yang muncul belakangan, tetapi berasal dari ucapan Rasulullah SAW sendiri. Meskipun istilah ini tidak disebutkan secara langsung dalam Al-Qur'an, namun konotasinya terdapat dalam setiap ayat yang menunjukkan perintah untuk mengikuti Rasulullah SAW, baik dalam bentuk perintah maupun larangan

Bagi istilah al-Jama'ah, ia kerap kali digunakan oleh Rasulullah SAW dalam hadith-hadith Baginda. Hadith yang paling masyhur adalah sabda Baginda:

وَإِنْ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتَفْتَرَقُ عَلَىٰ ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ مِلَّةً يَعْنِي الْأَهْوَاءَ كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan (mengikut hawa nafsu), semuanya di dalam neraka kecuali satu iaitu al-Jama'ah." - Riwayat Ibn Majah (3993)

Berdasarkan hadith ini dan beberapa hadith lain, para ulama telah menjelaskan siapakah golongan yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah tersebut. Menurut al-Syatibi, pada umumnya pendapat para ulama mengenai al-Jama'ah mempunyai beberapa takrifan.

1. Ia bererti golongan majoriti dalam kalangan umat Islam yang terdiri daripada imam mujtahid, para ulama dan ahli syariah dan umat yang mengikuti mereka. Sebahagian hadis menyebut mereka sebagai al-sawad al-a'zam
 2. Kumpulan para ulama mujtahid
 3. Para sahabat Rasulullah SAW
 4. Umat Islam yang bersepakat atau berijmak atas sesuatu perkara. Ia juga kembali kepada golongan pertama atau kedua
 5. Umat Islam yang bersatu mentaati seorang pemimpin
- Setelah menukilkan pendapat-pendapat tersebut, beliau merumuskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan al-Jama'ah adalah merujuk kepada perhimpunan yang bersatu di bawah pemimpin atau imam yang menepati petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah. (*Lihat al-I'tisam*)
 - Berdasarkan perbahasan ringkas di atas, dapat disimpulkan Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu secara umumnya adalah golongan yang bermanhaj seperti berikut:

هم المتمسكون بسنة النبي - صلى الله عليه وسلم وأصحابه ومن تبعهم وسلك سبيلهم في الاعتقاد والقول والعمل، والذين استقاموا على الاتباع وجانبوا الابتداع، وهم باقون ظاهرون منصورون إلى يوم القيمة فإنما هم هؤلئك، وخلافهم ضلال

Maksudnya: "Mereka yang berpegang dengan sunnah Nabi SAW, para sahabatnya dan yang mengikut mereka serta berjalan mengikut perjalanan mereka dalam aqidah, ucapan dan amalan. Mereka juga beristiqamah dalam mengikut (sunnah) dan menjauhi bid'ah (munkarah). Mereka kekal, zahir dan didukung sehingga hari kiamat. Maka mengikut mereka mendapat petunjuk sedangkan menyalahi mereka adalah kesesatan".
(al-Wajiz fi 'Aqidah al-Salaf, hlm. 36)

- Kemudian, disusun dengan lebih bersistem dan teguh oleh dua tokoh imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Imam Abu al-Hassan al-Asy'ari (*Asya'irah*) dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (*Maturidiyah*)

- **Ciri-Ciri Pegangan ASWJ**

- I. Berpegang dan menafsirkan hukum-hukum Islam berdasarkan kepada sumber perundangan utama laitu al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyyas tanpa menolak atau mengurangkan peranan salah satu darinya
- II. Berpegang kepada ajaran Islam yang meliputi perkara mengenai Iman iaitu Aqidah, Islam iaitu syarak dan Ihsan laitu akhlak
- III. Berpegang kepada al-Quran yang dihimpunkan oleh para sahabat terutamanya al-Quran yang dikenali sebagai uthmani serta berpegang kepada al-Sunnah terutamanya hadis-hadis yang dihimpunkan oleh imam imam Mashaf Uthe besar hadith seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Tirmidzi, Imam Abu Daud, Imam anNasale, Imam Ibnu Majah dan imam-imam lain yang diiktiraf
- IV. Berkepercayaan bahawa para sahabat kesemuanya bersikap benar dan adil tanpa mengkafirkan salah seorang dari mereka. Terutamanya, para khulafa alRasyidin iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq R.A, Saidina Umar al-Khattab R.A, Saidina Uthman bin 'Affan R.A dan Saidina Ali bin Abi Talib R.A.
- V. Percaya dan beriman kepada perkara ghaib terutamanya yang sabit melalui al-Quran dan al-Sunnah seperti seksaan azab kubur, pembalasan syurga, neraka dan sebagainya
- VI. Tidak mengkufurkan se-Islam atau yang berkiblatkan Kaabah (ahi al-Qiblah) dengan mudah kecuali dengan pertimbangan ilmu atau hujah yang kuat dan sikap yang adil

- **Amaran Syara' terhadap golongan yang tidak berpegang kepada ASWJ**

Terdapat banyak dalil syar'i yang memberikan peringatan kepada umat Islam agar tetap berpegang pada Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dalil-dalil tersebut bisa bersifat langsung maupun tidak langsung, namun semuanya menegaskan pentingnya memegang teguh ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Antaranya firman Allah SWT (Surah al-An'am: 153):

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَشْتَغِلُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ ذَلِكُمْ
وَصَاعِدُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّفَرَّقُونَ

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.”

Menurut Ibn ‘Abbas R.Anhuma, ayat di atas dan yang seumpama dengannya di dalam al-Qur'an adalah merujuk kepada perintah Allah SWT terhadap golongan Mukmin agar sentiasa berada dalam jamaah dan menegah mereka daripada perselisihan dan perpecahan yang menyesatkan.

(*Tafsir Ibn Kathir*, 3/365)

Dalam ayat lain, Allah SWT menjelaskan dengan lebih terang dan nyata mengenai keadaan golongan sesat yang tidak berpegang dengan Ahli Sunnah Wal-Jamaah di akhirat kelak. Firman-Nya (Surah Ali ‘Imran: 106):

يَوْمَ تَبَيَّضُ ۝ وَجْهٌ ۝ وَتَسْوَدُ ۝ وَجْهٌ ۝ فَإِنَّمَا ۝ الَّذِينَ ۝ اسْوَدَتْ ۝ وَجْهُهُمْ ۝ أَكْفَرُ ثُمَّ ۝ بَعْدَ ۝ إِيمَانِكُمْ
فَدُوْقُوا ۝ الْعَذَابَ ۝ بِمَا ۝ كُنْتُمْ ۝ تَكْفُرُونَ

Maksudnya: “(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu”.

Al-Jurjani (*Tarikh Jurjan*, 132), al-Ajiri (*al-Shari'ah*, 5/2562) dan al-Lalika'i (*Syarh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, 1/72) menukilkan sanad daripada Ibn 'Abbas bahawa maksud, “Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya” adalah pengikut hawa nafsu, bid'ah dan sesat.

PENUTUP

Sebagai penutup pada sesi kedua ini, mari sama-sama kita hayati petikan ayat Al-Quran dalam Surah al-An'am, ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَشْتَغِلُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ ذَلِكُمْ وَصَاعِدُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّفَرَّقُونَ

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus. Maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) akan mencerai-beraikan kamu



daripada jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwā”

Ayat di atas merupakan tegasan daripada Allah SWT agar berpegang teguh dengan jalan Allah serta Aqidah yang betul

NOTA SESI KETIGA: BERIMAN KEPADA ALLAH DAN MALAIKAT

PENDAHULUAN

Pada sesi ini, mari kita hayati antara peristiwa yang diriwayatkan dalam Musnan Ahmad: “*Tatkala kami tengah duduk-duduk di sisi Rasulullah S.A.W, lalu datanglah seorang lelaki yang bajunya sangat putih, rambutnya sangat hitam, tidak nampak padanya bekas-bekas perjalanan, dan tidak ada seorang pun dari kami yang mengenalinya. Hingga dia mendatangi Nabi S.A.W lalu menyandarkan lututnya pada lutut baginda dan meletakkan kedua telapak tangannya pada paha baginda,*

Kemudian dia bertanya,

فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْبِرْنِي مَا الْإِيمَانُ أَوْ عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُلِّبِرْسُلِهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَتُؤْمِنُ بِالْقَدْرِ

“Wahai Muhammad, kabarkanlah kepadaku tentang Iman?” Baginda menjawab, “Kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, para Rasul-Nya, hari akhir, dan kamu beriman kepada takdir yang baik dan yang buruk,” dia berkata, “Kamu benar.”

❖ Beriman Kepada Allah

• Apa itu Iman?

Bahasa: (amaña - yu'minu - imanan) secara harfiah (etimologis) ertinya membenarkan

Istilah: Pengucapan dengan lidah, iktikad (percaya) dengan hati dan beramal dengan anggota, iman bertambah dengan melakukan ketaatan serta berkurangan dengan sebab melakukan maksiat. Dalam kata lain:

“Membenarkan dengan hati bahawa Allah SWT Maha Pencipta, Pemilik, Pentadbir Alam dan Yang Berhak Disembah. Keyakinan ini dikuatkan dengan pengakuan lisan dan disempurnakan dengan kepatuhan kepada suruhan dan larangan Allah SWT”

Iman dengan lidah adalah seperti zikir, doa, amar makruf nahi mungkar, membaca Al-Quran dan seumpamanya. Manakala iman dengan hati adalah seperti iktikad (percaya) kepada keesaan Allah dalam Rububiyyah (kekuasaan)Nya, Uluiyyah (ketuhanan)Nya, nama-nama serta sifat-sifatNya dan wajib menyembahNya dengan tidak ada sekutu bagiNya. Hal ini merangkumi juga berkaitan amalan-amalan hati, seperti cintakan Allah, takutkanNya, sentiasa kembali kepadaNya, bertawakal kepadaNya dan sebagainya.

Firman Allah dalam Surah Al-Anfal, ayat 2:

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَاتُهُ زَادُوهُمْ إِيمَانًا

Maksudnya: “Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, maka bertambah iman mereka”.

- **Percaya kepada Allah SWT**

Ia bermaksud **beriman dengan kewujudan, keesaan dan kesempurnaan Allah SWT**. Demikian juga menafikan dari Allah SWT akan sebarang bentuk kekurangan dan sifat-sifat persamaan dengan makhluk. Mempercayai bahawa:

- Allah yang mencipta dan memiliki alam ini sepenuhnya
- Hanya Dia yang berkuasa mentadbir alam ini
- Seluruh alam berada dalam kekuasaannya

- **Tahkik (Pelaksanaan)**

Beriman kepada Allah 'Azza Wajalla akan terlaksana dengan melakukan perkara-perkara berikut:

I. Iktiqad (percaya) bahawa alam ini mempunyai Pencipta yang satu, Esa dalam penciptaanNya, kerajaanNya, pentadbiranNya, mengatur keadaannya, memberi rezeki, kuasa, melakukan sesuatu, menghidupkan, mematikan, memberi manfaat dan mudharat yang tiada tuhan selain dariNya

Segala perbuatan dilakukan dengan keesaan-Nya, hukuman dijatuhkan sesuai kehendak-Nya, Dia memuliakan siapa yang dikehendaki-Nya dan merendahkan siapa yang dikehendaki-Nya. Kekuasaan langit dan bumi berada di tangan-Nya, Dia berkuasa atas segala sesuatu

Semua keistimewaan itu adalah milik Allah, tidak ada sekutu bagi-Nya, tidak ada yang memiliki hak selain dari-Nya, dan tidak ada yang boleh disamakan atau diidentifikasi dengan pencipta lain selain Allah yang Maha Agung

Firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 21-22:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقُكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ۚ ۲۱ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرْشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ ۖ ۲۲ مِنَ النَّمْرُوتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعُلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) seperti bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu”

- II. Beriktikad (percaya) dengan keesaan Allah ‘Azza Wajalla dengan nama-nama yang seindah-indahnya dan sesempurna sifat-sifat yang diperkenalkan kepada hamba-hambanya yang sebahagiannya terdapat dalam kitabNya (Al-Quran) atau Sunnah Nabi yang terakhir dan RasulNya Muhammad SAW
- Firman Allah SWT dalam Surahal-A'raf, ayat 180:

وَلِلّٰهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

Maksudnya: “Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.

Nama Allah SWT yang agung adalah sebagai salah satu cara untuk dimustajabkan doa. Dengan menyebut nama-nama Allah yang agung ini, doa dan permohonan seseorang hamba itu tidak akan ditolak oleh Allah SWT

Mengenai nama-nama Allah, terdapat hadis saih daripada Abu Hurairah R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda dalam Riwayat al-Bukhari (7392) dan Muslim (2677):

إِنَّ لِلّٰهِ تِسْعَةَ وَتِسْعِينَ اسْمًا، مَا نَهَا إِلَّا وَاحِدًا، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah memiliki sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu. Sesiapa yang ‘menghitungnya’ (menyebut dalam doa dan mengamalkan secara berterusan) maka dia akan masuk surga.”

Iktikad(Kepercayaan) ini tertegak di atas dua asas yang utama:

- I. Sesungguhnya Allah mempunyai nama-nama yang indah dan sifat-sifat yang tinggi yang menunjukkan atas sifat-sifat yang sempurna, tidak ada sesuatupun kekurangan padaNya dalam semua perkara, tidak menyerupaiNya oleh sesuatu dan tidak ada sekutu baginya
- II. Sesungguhnya Allah SWT suci daripada semua sifat kekurangan dan semua cacat cela, seperti tidur, lemah, jahil, zalim dan lainnya

❖ Konsep Sifat Allah

- Setiap mukalaf wajib (menurut hukum syarak) mengenal sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT, sifat yang harus dan yang mustahil bagi-Nya. Makna mukallaf ialah orang yang mencapai tahap akil baligh, iaitu orang yang dipertanggungjawabkan dengan menunaikan segala perkara yang wajib, menjauhi yang haram, digalakkan melakukan perkara yang sunat dan meninggalkan yang makruh
- Terdapat 20 Sifat Allah yang wajib kita imani. Sifat 20 ini dihimpunkan oleh Imam al-Sanusi dalam karyanya *Umm al-Barahin* dan disyarahkan oleh ramai para ulama' seluruh dunia
- Perbahasan sifat-sifat Allah pada peringkat awal, terutamanya pada zaman Imam Abu Hasan al-Ash'ari lebih menekankan sifat-sifat asas yang disebutkan di dalam al-Qur'an iaitu qudrah, iradah, 'ilm, hayah, sama', basar dan kalam. 7 sifat ini adalah sifat wajib yang berada dalam zat Allah. Sifat inilah yang dinamakan sifat ma'ani.
- Manakala Imam al-Sanusi telah menyusunnya dan pecahkannya kepada empat bahagian sifat iaitu *sifat Nafsiyyah*, *sifat Salbiyyah*, *sifat Ma'ani* dan *sifat Ma'awiyyah*
- Kita wajib mengimani segala sifat-sifat Allah, bukan sahaja mengucapkan di bibir akan tetapi harus dipasak dalam hati bagi setiap individu muslim

Sifat Wajib	Maksud	Kategori	Sifat Mustahil	Maksud
<i>Wujud</i> وجود	Ada	Nafsiyyah	'Adam عدم	Tiada
<i>Qidam</i> قدم	Sedia ada	Salbiyyah	Huduth حدث	Baharu
<i>Baq'a'</i> بقاء	Kekal	Salbiyyah	<i>Fana'</i> فناء	Akan binasa
<i>Mukhalafatuhu lil-Hawadith</i> مخالفته للحوادث	Berbeza dengan semua makhluk ciptaanNya	Salbiyyah	<i>Mumathalatuhu lil-Hawadith</i> مما تنته للحوادث	Menyamai atau bersamaan bagi-Nya dengan suatu yang baru
<i>Qiyamuhu binafsih</i> قيامه بنفسه	BerdiriNya dengan sendiri	Salbiyyah	<i>Qiyamuhu bighairih</i> قيامه بغيره	Berdiri-Nya dengan yang lain

<i>Wahdaniyyah</i> وحدةٌ	Esa Allah SWT pada zat, sifat dan perbuatan	Salbiyyah	<i>Ta'addud</i> تعدد	Berbilang-bilang
<i>Qudrah</i> قدرةٌ	Berkuasa	Ma'ani	'Ajzun عِجزٌ	Lemah
<i>Iradah</i> إرادةٌ	Berkehendak menentukan	Ma'ani	<i>Karahah</i> كراهَةٌ	Tidak menentukan
<i>'Ilmun</i> علمٌ	Mengetahui	Ma'ani	<i>Jahlun</i> جهلٌ	Bodoх
<i>Hayah</i> حياةٌ	Mengetahui	Ma'ani	<i>Al-Maut</i> الموت	Mati
<i>Sama'</i> سمع	Hidup	Ma'ani	<i>Al-Summu</i> الصُّمُمُ	Pekak
<i>Basar</i> بصر	Mendengar	Ma'ani	<i>Al-'Umyu</i> العمي	Buta
<i>Kalam</i> كلام	Berkata-kata	Ma'ani	<i>Al-Bukmu</i> البكم	Bisu
<i>Kaunuhu Qadiran</i> كونه قادرًا	KeadaanNya yang berkuasa	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu 'Ajizan</i> كونه عاجزاً	Keadaan-Nya yang lemah
<i>Kaunuhu Muridan</i> كونه مریداً	Keadaan-Nya yang berkehendak menentukan	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu Karihan</i> كونه كارها	Keadaan-Nya yang benci iaitu tidak menentukan
<i>Kaunuhu 'Aliman</i> كونه عالماً	Keadaan-Nya yang mengetahui	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu Jahilan</i> كونه جاهلاً	Keadaan-Nya yang bodoh
<i>Kaunuhu Hayyan</i> كونه حياً	Keadaan-Nya yang hidup	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu Mayyitan</i> كونه ميتاً	Keadaan-Nya yang mati
<i>Kaunuhu Sami'an</i> كونه سمعياً	Keadaan-Nya yang mendengar	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu Asamma</i> كونه أصم	Keadaan-Nya yang pekak
<i>Kaunuhu Basiran</i> كونه بصيراً	Keadaan-Nya yang melihat	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu A'ma</i> كونه أعمى	Keadaan-Nya yang buta
<i>Kaunuhu Mutakalliman</i>	Keadaan-Nya yang berkata-kata	Ma'nawiyyah	<i>Kaunuhu Abkam</i> كونه أبكم	Keadaan-Nya yang kelu

❖ Beriman Kepada Malaikat

- **Definisi**

Iktikad(Percaya) dengan sepenuh keyakinan bahawa Allah mempunyai malaikat yang dijadikan daripada cahaya yang telah ditentukan untuk melakukan ketaatan, tidak melakukan sebarang maksiat terhadap Allah dan melaksanakan semua arahan yang diperintahkan

Mereka sentiasa bertasbih kepada Allah malam dan siang dengan tidak pernah berasa jemu, tidak diketahui bilangan mereka kecuali Allah. Allah telah menetapkan ke atas mereka tugas dan tanggungjawab

Terdapat hadith Jibrail yang masyhur, sewaktu Jibrail (dengan menyerupai manusia) datang bertanya kepada Rasulullah tentang Iman, Islam dan Ihsan. Katanya: ‘Beritahu kepada saya pengertian iman’. Sabda Nabi SAW:

أَن تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكِتَابِهِ وَرَسُولِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَأَن تُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ

Maksudnya: Hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (untung) baik dan yang tidak baik”

Para ulama' telah berijma' (bersepakat) tentang kewajipan beriman dengan para malaikat, maka sesiapa yang mengingkari kewujudan mereka atau sebahagian daripada mereka seperti mana yang disebut oleh Allah, hukumnya adalah kafir serta bercanggah dengan Al-Quran, As-Sunnah dan Ijma' Ulama

- **Kedudukan Beriman kepada Malaikat di sisi Agama**

Beriman kepada malaikat ialah rukun kedua daripada Rukun Iman yang enam, tidak sah dan tidak diterima iman seorang hamba itu melainkan beriman dengannya

- **Cara Beriman dengan Malaikat**

- I. **Mengakui kewujudan mereka**, mereka adalah makhluk ciptaan Allah yang diciptakan untuk beribadat kepadaNya, kewujudan mereka adalah hakiki

Sesungguhnya Nabi telah melihat rupa asli Jibrail AS sebanyak dua kali, begitu juga para sahabat telah melihat sebahagian daripada malaikat yang menyerupai manusia. Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam ‘Musnad’nya daripada Abdullah bin Mas’ud katanya:

رأى رسول الله ﷺ جبريل في صورته وله ستمائة جناح، وكل جناح منها قد سد الأفق
Maksudnya: “Rasulullah telah melihat Jibrail dengan rupanya yang asli, mempunyai 600 sayap, setiap helai sayapnya memenuhi ufuk”

- II. **Meletakkan taraf kedudukannya pada tempat yang telah Allah tentukan kepada mereka**, mereka adalah hamba-hamba Allah yang diberi arahan (tugas), Allah telah memuliakan mereka dengan mengangkat martabat kedudukan yang hampir denganNya
Mereka tidak berkuasa melakukan sesuatu perkara kecuali dengan kuasa yang Allah berikan kepada mereka, mereka tidak memiliki kuasa untuk memberi manfaat atau memudharatkan diri mereka atau orang lain selain daripada kuasa Allah, kerana itu tidak harus melakukan sebarang ibadat kepada mereka apalagi menjadikan mereka memiliki beberapa sifat ketuhanan (Ar-Rububiyyah)

- **Asal Kejadian Malaikat dan bilangannya**

- I. **Asal Kejadian Malaikat**

Allah mencipta malaikat daripada cahaya sebagaimana Allah menjadikan jin daripada api dan anak Adam (manusia) daripada tanah. Malaikat telah dicipta sebelum dijadikan Adam , tersebut di dalam hadith riwayat Muslim:

خلفت الملائكة من نور ، وخلق الجن من مارج من نار ، وخلق آدم مما وصف لكم
Maksudnya: “Dijadikan malaikat daripada cahaya dan dijadikan jin daripada api yang menjulang serta dijadikan manusia daripada benda yang disifatkan kepada kamu (tanah)”

- II. **Bilangan Malaikat**

Malaikat ialah sejenis makhluk yang tidak terhingga banyaknya, tidak dapat dihitung bilangannya kecuali Allah sahajalah yang mengetahuinya. Firman Allah dalam Surah Muddathir, ayat 31:

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ

Maksudnya: “Dan tiada yang mengetahui tentera (malaikat) Tuhanmu melainkan Dialah sahaja”

Di Baitul Ma’mur yang terletak di langit ketujuh, seramai 70 ribu malaikat masuk setiap hari kemudian mereka yang telah masuk ke dalamnya tidak dapat kembali lagi (untuk memasukinya) kerana bilangannya terlalu ramai, ini dinyatakan dalam hadith riwayat Bukhari dan Muslim:

يَدْخُلُهُ فِي كُلِّ يَوْمٍ سَبْعَوْنَ أَلْفَ مَلَكٍ لَا يَعُودُونَ إِلَيْهِ

Maksudnya: “70 ribu malaikat masuk setiap hari ke dalam Baitul Ma’mur, kemudian mereka yang telah masuk tidak akan kembali lagi ke tempat itu”

Selain itu, Sabda Nabi Muhammad SAW dalam riwayat Muslim:

يُؤْتَى يَجْهَنَّمَ يَوْمَئِذٍ لَهَا سَبْعَوْنَ أَلْفَ زَمَامٍ مَعَ كُلِّ زَمَامٍ سَبْعَوْنَ أَلْفَ مَلَكٍ

Maksudnya: “Pada Hari Kiamat nanti akan dibawa Neraka Jahannam yang mempunyai 70 ribu tali penarik dan setiap tali itu ditarik oleh 70 ribu malaikat”

Maka dengan ini jelaslah betapa banyaknya bilangan malaikat, bilangan mereka (yang menarik sebuah neraka) sahaja sekitar 4,900 juta malaikat, bagaimana dengan bilangan malaikat yang lain. Maha Suci Allah yang telah mencipta malaikat dan mengetahui bilangannya

- **Nama-Nama Malaikat beserta tugas**

Seperti yang dinyatakan di atas, bilangan malaikat terlalu banyak dan hanya Allah sahaja yang mengetahui nilainya. Akan tetapi, terdapat sepuluh Malaikat yang perlu diketahui oleh individu oleh setiap muslim. Para Malaikat ini mempunyai tugas yang telah diarahkan oleh Allah SWT seperti menurunkan rezeki, mencatat amalan hingga kepada menjaga syurga dan neraka. Mereka melaksanakan tugas mereka dengan taat dan patuh kepada Allah SWT. Antaranya:

NAMA	TUGASAN
JIBRAIL	MENYAMPAIKAN WAHYU
MIKAIL	MENGURUSKAN HAL EHWAL KEHIDUPAN
ISRAFIL	MENIUP SANGKAKALA
IZRAIL	MENGAMBIL NYAWA
MUNKAR	MENYOAL SI MATI DALAM KUBUR
NAKIR	MENYOAL SI MATI DALAM KUBUR
ROQIB	MENCATAT AMALAN BAIK
'ATID	MENCATAT AMALAN KEJAHATAN
MALIK	MENJAGA NERAKA
RIDHWAN	MENJAGA SYURGA

- **Sifat Malaikat**

- I. Besar kejadian serta tubuh badan mereka. Allah telah mencipta malaikat dengan bentuk yang besar dan kuat, sesuai dengan tugas mereka yang mulia sama ada di langit dan di bumi
- II. Mereka mempunyai sayap. Allah menciptakan bagi mereka sayap, ada yang mempunyai dua, tiga dan empat atau lebih, sebagaimana Rasulullah telah melihat rupa Jibrail yang sebenar mempunyai 600 sayap yang memenuhi ufuk
- III. Tidak berhajat kepada makanan dan minuman. Allah mencipta malaikat yang tidak berhajat kepada makan dan minum juga tidak berkahwin dan tidak mempunyai keturunan
- IV. Malaikat suatu makhluk yang cerdik serta mempunyai pemikiran yang pintar. Mereka berbicara dengan Allah dan Allah juga berkata-kata dengan mereka. Mereka juga bercakap dengan Adam dan nabi-nabi yang lain

PENUTUP

Oleh itu, kita harus mempercayai dan beriman akan setiap ciptaan Allah seperti Malaikat agar tidak terjatuh dalam kesesatan. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa', ayat 136:

وَمَن يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا

Maksudnya: "Sesiapa yang kufur kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya"

NOTA SESI KEEMPAT: BERIMAN KEPADA RASUL & KITAB

PENDAHULUAN

Surah at-Taubah, ayat 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w.), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat lobakan (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman"

Pada sesi keempat kali ini, marilah kita sama-sama mengenali secara ilmiah berkaitan keimanan terhadap Rasul utusan Allah serta risalah kitab yang dibawa mereka

❖ Beriman Kepada Rasul

● Definisi

- Beriman kepada para Rasul 'alaihimussalam ialah salah satu daripada Rukun Iman dan tidak sempurna iman seseorang hamba tanpanya
- **Definisi Beriman kepada Rasul:** ialah iktikad dengan yakin bahawa Allah mempunyai rasul-rasul yang dipilih untuk menyampaikan risalahNya, sesiapa yang mengikut rasul maka dia telah mendapat petunjuk dan sesiapa yang menderhaka kepada rasul sesungguhnya dia telah terpesong daripada jalan yang benar
- Kepercayaan kepada Baginda Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul membezakan umat Islam dari golongan Yahudi dan Kristian yang hanya percaya setakat Musa AS dan Isa AS
- Umat Islam percaya bahawa Muhammad SAW merupakan rasul terakhir yang diutuskan Allah SWT kepada manusia. Tidak akan ada lagi rasul baru dengan syariah baru akan diutuskan oleh Allah SWT selepas beliau SAW
- Umat Islam juga percaya bahawa Rasulullah SAW merupakan hamba Allah SWT yang terbaik pernah hidup di muka bumi. Beliau merupakan makhluk terbaik ciptaan Allah SWT. Oleh itu kita diperintahkan oleh Allah SWT untuk menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai ikutan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ أَكْثَرُ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةً حَسَنَةً لَمْنَ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"

- **Hakikat Kenabian (An-Nubuwwah)**

- An-Nubuwwah ialah perantaraan di antara Pencipta dan makhluk dalam menyampaikan syariat
- Martabat kenabian ialah anugerah daripada Allah SWT kepada hambaNya, bukanlah sesuatu yang boleh diusahakan oleh seorang hamba, ia tidak dapat dicapai dengan banyak melakukan ketaatan atau ibadat, tidak juga dengan dipilih seorang nabi yang lain atau permintaannya, sesungguhnya ia adalah anugerah dan pilihan daripada Allah
- Allah telah memberikan nikmat kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari kalangan hamba-hambaNya dan memilih sesiapa yang dikehendakiNya dari kalangan makhlukNya untuk menjalankan tugas kenabian ini dan tidak ada sesiapa yang berhak memilihnya selain daripada Allah. Firman Allah dalam Surah al-Hajj, ayat 75:

اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Maksudnya: "Allah memilih utusan-utusanNya di kalangan para malaikat dan daripada kalangan manusia. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

- **Tugas Rasul**

Para Rasul 'alaihimussalam mempunyai tugas yang mulia, antaranya:

- I. Menyampaikan syariat Allah dan menyeru manusia untuk menghambakan diri kepada Allah yang Esa serta menolak semua ibadat kepada selain daripada Allah. Firman Allah dalam Surah al-Ahzab, ayat 39:

الَّذِينَ يُلْعَنُونَ رَسَلَتِ اللَّهِ وَيَخْشَوْهُ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهُ وَكَفَى بِاللَّهِ حَسِيبًا

Maksudnya: "(Nabi-nabi yang terdahulu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut untuk melanggar perintahNya dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan Allah dan cukuplah Allah menjadi Penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalaaskan mereka)"

- II. Menjelaskan kepada manusia semua ajaran agama yang telah diturunkan kepada mereka. Firman Allah dalam Surah an-Nahl, ayat 44:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: "Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) AlQuran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya"

- III. Membawa umat ke arah kebaikan dan menjauahkan mereka daripada melakukan kejahatan, memberi khabar gembira tentang pahala

(kepada mereka yang melakukan kebaikan) serta memberi amaran kepada (mereka yang melakukan kejahanatan) dengan seksaan. Firman Allah dalam Surah an-Nisa', ayat 165:

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ

Maksudnya: "Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat)"

- IV. Semua rasul akan menjadi saksi ke atas umatnya pada Hari Kiamat bahawa mereka telah menyampaikan syariat Allah kepada umat dengan jelas. Firman Allah dalam Surah an-Nisa', ayat 41:

فَكَيْفَ إِذَا جِئْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍ بِشَهِيدٍ وَجِئْنَا بِكَ عَلَى هَؤُلَاءِ شَهِيدًا

Maksudnya: "Maka bagaimanakah (keadaan orang-orang kafir pada Hari Akhirat kelak), apabila Kami datangkan dari tiap-tiap umat seorang saksi (iaitu rasul mereka sendiri menjadi saksi terhadap perbuatan mereka) dan Kami juga datangkan engkau (wahai Muhammad) sebagai saksi terhadap umatmu"

- **'Ismah (Pemeliharaan) Rasul**

Allah telah memilih orang yang akan membawa dan menyampaikan risalahNya daripada sebaik-baik makhluk dan semulia-mulia kejadian dan akhlak, Allah juga menjaga mereka daripada melakukan sebarang dosa dan melepaskan mereka daripada sebarang cacat-cela sehingga mereka dapat menyampaikan wahyu Allah kepada umat mereka

Mereka semua **ma'sum(terpelihara daripada kesalahan)** dalam menyampaikan semua perkara dan ajaran (risalah) yang datang daripada Allah Inilah pendapat yang disepakati ummah (ulama'). Firman Allah dalam Surah al-Maidah, ayat 67:

يَأَيُّهَا أَرْرَسُولُ بَلْعُ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَإِنْ لَمْ تَتَعَلَّ فَمَا بَلَّغْتَ رَسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: "Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya dan Allah jualah yang memeliharamu dari (kejahanatan) manusia"

- **Sifat Wajib, Mustahil dan Harus bagi rasul**

Sifat Wajib bagi Rasul:

I. **Siddiq - Benar**

Adalah berita yang dibawa para Nabi dan Rasul pasti benar daripada Allah SWT

II. **Amanah - Jujur**

Terpeliharanya para Nabi dan Rasul dari perbuatan maksiat baik yang lahiriyah misalkan minum arak, zina, berdusta, mahupun batiniyah seperti hasud, sompong, riya'

III. **Fathanah - Bijaksana**

Kecerdasan para Nabi dan Rasul seperti dalam perdebatan sehingga mampu menundukkan hujjah musuh-musuhnya

IV. **Tabligh - Menyampaikan**

Nabi dan rasul pasti menyampaikan wahyu Tuhan kepada umatnya. Tidak ada satupun yang disembunyikan selama wahyu itu diperintah Allah untuk disampaikan

Sifat Mustahil bagi Rasul:

I. **Kadzib - Dusta**

Adalah mustahil untuk para Nabi dan Rasul berbohong dalam menyampaikan ajaran Allah SWT

II. **Khianah - Khianat**

Adalah mustahil bagi para Nabi dan Rasul untuk khianat menjalankan perintah Allah SWT

III. **al-Baladah - Bodoh**

Adalah mustahil untuk para Nabi dan Rasul bersifat Baladah ketika berhadapan dengan musuh-mushnya

IV. **al-Kitman - Menyembunyikan**

Adalah mustahil untuk para Nabi dan Rasul menyembunyikan wahyu kepada umat manusia

Sifat Harus bagi Rasul:

Sifat yang sama seperti manusia biasa yang tidak menjaskan kerasulannya seperti makan, minum, tidur, sakit, berkahwin dan sebagainya

❖ Rasul Ulul 'Azmi

• Definisi

Ulul azmi adalah gelaran yang diberikan kepada para rasul yang memiliki kedudukan yang tinggi disebabkan ketabahan dan kesabaran mereka yang luar biasa dalam menyebarkan agama kepada kaumnya

Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Ahqaf, ayat 35:

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ

Maksudnya: “(Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul "Ulil-Azmi" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu)”

• Nama Rasul Ulul 'Azmi

Telah berkata Syeikh Muhammad al-Amin al-Syanqiti di dalam tafsirnya bahawa yang dimaksudnya dengan rasul ulu al-'Azmi ialah lima orang:
(*Adhwa' al-Bayan*, 6:233)

- I. Nuh AS
- II. Ibrahim AS
- III. Musa AS
- IV. Isa AS
- V. Muhammad SAW

Hal ini disebut di dalam al-Quran, berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 7:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ ابْنِ مَرْيَمَ
وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيثَاقًا غَلِيلًا

Maksudnya: “(Teruslah bertaqwa kepada Kami) dan (ingatlah) ketika Kami mengambil daripada Nabi-nabi (umumnya) perjanjian setia mereka, dan (khasnya) daripada engkau sendiri (wahai Muhammad SAW) dan juga daripada Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Musa AS serta Nabi Isa ibni Maryam. Dan Kami telah mengambil daripada mereka perjanjian setia yang teguh (bagi menyempurnakan apa yang ditugaskan kepada mereka)”

• Mukjizat Rasul Ulul 'Azmi

Antara contoh mukjizat yang diberikan kepada para Rasul Ulul 'Azmi adalah:

I. Nuh AS

Pembinaan Bahtera: Kemampuannya membina bahtera yang besar untuk menyelamatkan diri, pengikutnya yang beriman, dan berbagai

jenis haiwan dari banjir besar yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai azab kepada kaum yang kafir dan menolak dakwah Nabi Nuh AS

II. Ibrahim AS

Api Menjadi Sejuk: Salah satu mukjizatnya adalah ketika terselamat dari api oleh Allah SWT. Kisah ini terjadi ketika raja Namrud ingin membakar Nabi Ibrahim kerana menolak menyembah berhala. Allah SWT menyelamatkan Nabi Ibrahim dengan memerintahkan api tersebut menjadi sejuk

III. Musa AS

Membelah Laut Merah: Ketika Musa AS dan kaumnya dikejar oleh tentara Firaun, Allah memerintahkan Musa untuk memukul tongkatnya ke Laut Merah. Akibatnya, laut terbelah membentuk jalan yang kering sehingga Musa dan kaumnya dapat melintasi laut tersebut dengan selamat, sedangkan tentara Firaun tenggelam

Tongkat berubah menjadi Ular: Nabi Musa AS yang melemparkan tongkatnya di hadapan para tukang sihir Firaun. Ketika Musa melemparkan tongkatnya ke tanah, tongkat itu tiba-tiba berubah menjadi ular besar yang menakutkan

IV. Isa AS

Berbicara: Ketika masih bayi, Nabi Isa berbicara dalam buaian untuk membela ibunya Siti Maryam yang difitnah kerana melahirkannya tanpa ayah

Menyembuhkan orang yang sakit: Baginda AS mengusap dengan tangannya ke atas orang yang sakit, orang yang buta sejak lahir, orang yang menderita sakit kusta. Kemudian, mereka yang diusap itu sembuh dengan izin Allah SWT

V. Muhammad SAW

Al-Quran: Mukjizat terbesar Nabi Muhammad adalah Al-Quran, kitab suci umat Islam. Al-Quran dianggap sebagai mukjizatnya karena keindahan bahasanya, ketepatan informasinya, serta ketidakmampuan manusia untuk menciptakan sesuatu yang serupa

Mengalirkan air dari jari-jarinya: Pada hari Hudaibiyah, Nabi Muhammad SAW meletakkan tangan ke dalam bekas tersebut, dan tiba-tiba air pun memancar di antara jari-jari tangannya seperti mata air ketika mereka dalam keadaan dahaga dan tiada bekalan air lalu para sahabat pun minum dan melakukan wudhu' dengan air tersebut

❖ **Beriman kepada Kitab**

● **Definisi**

- Kitab adalah salah satu elemen daripada Rukun Iman yang telah diturunkan oleh Allah SWT
- Hal ini memacu umat Islam kepada kewajipan mempercayai serta meyakini dengan kewujudan 4 kitab utama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para anbiya' terpilih untuk membimbing manusia ke jalan yang benar
- Dalam Islam, beriman kepada kitab juga bererti mengakui bahwa Al-Qur'an adalah kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai petunjuk bagi seluruh umat manusia dan memiliki keutamaan yang sangat tinggi dibandingkan kitab-kitab sebelumnya

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hadid, ayat 25:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِلَيْكُمْ مُّبَشِّرِينَ وَأَنْذَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمُبِيرَاتِ لِيَقُولُوا إِنَّا نَهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاتِ

Maksudnya: Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas (nyata) dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan”.

● **Kitab-kitab serta Rasul Terpilih**

I. **Al-Quran al-Karim**

- Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad, penamat sekalian rasul, ia adalah kitab terakhir yang diturunkan
- Allah SWT telah menjamin untuk menjaganya daripada sebarang penyelewengan dan pengubahan
- Firman Allah dalam Surah al-Maidah, ayat 48:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا عَلَيْهِ فَلَا خُمُّلٌ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ

Maksudnya: “Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukuman di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu)”

II. **Taurat**

- Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa AS

- Sebagai petunjuk dan cahaya kepada Bani Israel dan ulama' mereka
- Firman Allah dalam Surah al-Maidah, ayat 44:

إِنَّا أَنْزَلْنَا الْتُّورَةَ فِيهَا هُدًىٰ وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا الْنَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ
هَادُوا وَالرَّبَّيْوَنَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا أَسْتَحْفَطُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi dengan kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi dan (dengannya juga) ulama' mereka dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu"

III. Injil

- Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi 'Isa AS
- Kitab Injil yang kita wajib beriman dengannya ialah Injil yang Allah turunkan kepada Nabi 'Isa dengan asas yang sah, bukan Injil yang telah dipinda dan diubah yang berada di tangan Ahli Kitab sekarang
- Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah, ayat 46:

وَقَفَّيْنَا عَلَىٰ إِعْثَارِهِمْ بِعِيسَى اُبْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ مِنَ الْتُّورَةِ
وَإِنَّمَا أَنْجَلَ فِيهِ هُدًىٰ وَنُورٌ ۚ وَمُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ مِنَ الْتُّورَةِ وَهُدًىٰ
وَمَوْعِظَةٌ لِلْمُتَّقِينَ

Maksudnya: "Dan Kami utuskan Nabi 'Isa ibni Mariam mengikuti jejak langkah mereka (nabi-nabi Bani Israel), untuk membenarkan Kitab Taurat yang diturunkan sebelumnya dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandungi petunjuk hidayat dan cahaya yang menerangi, sambil mengesahkan benarnya apa yang telah ada di hadapannya dari Kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa"

IV. Zabur

- Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Daud AS
- Wajib beriman kepada kitab zabur yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Daud, bukan Zabur yang telah dipinda dan diubah oleh angkara jahat orang Yahudi
- Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa', ayat 163:

وَإِنَّمَا دَأْوُدَ زَبُورًا

Maksudnya: "Dan juga Kami telah mengurniakan kepada Nabi Daud Kitab Zabur"

- **Keistimewaan Al Quran**

Al-Quran cukup istimewa berbanding dengan kitab-kitab lain. Dipetik daripada karya Dr. Yusuf al-Qaradhwai yang bertajuk “Bagaimana kita berinteraksi bersama dengan al-Quran al-‘Azim.” Antaranya adalah:

- I. Al-Quran kitab Ilahi. Hal ini dijelaskan dalam Surah Hud, ayat 1 :

الرَّ كِتَابٌ أَخْكَمْتُ آيَاتُهُ تُمَ فُصِّلُتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ

Maksudnya: “Alif, Lam, Ra. Al-Quran sebuah Kitab yang tersusun rapi ayat-ayatnya, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu yang diturunkan daripada sisi Allah Yang Maha Mendalam pengetahuan-Nya”

- II. Al-Quran adalah kitab mahfuz (terpelihara). Firman Allah dalam Surah al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya kamilah yang menurunkan Al-Quran dan memeliharanya”

- III. Al-Quran adalah kitab mukjizat. Firman Allah dalam Surah al-isra’, ayat 88 :

قُلْ لَئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْفُرْقَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) “ Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun demi mendatangkan sesuatu yang sebanding dengan Al-Quran , mereka tidak akan mampu mendatangkannya walaupun mereka saling membantu”

Al-Quran dikatakan sebagai sebuah kitab mukjizat kerana makhluk tidak akan mampu dan mustahil untuk mendatangkan sebuah kitab semisal al-Quran sekalipun terdapat gabungan dan kesepakatan antara seluruh manusia dan jin

Dr Yusuf Al-Qaradhwai berkata ayat Al-Quran dihafaz oleh ribuan sama ada lelaki , perempuan atau kanak-kanak. Inilah istimewanya yang tiada pada mana-mana kitab atau buku yang lain.

- I. Al-Quran kitab zaman semuanya. Ia bermaksud kitab yang kekal yang bukan hanya sesuai pada suatu masa sahaja dan bukan untuk satu generasi. Tetapi ia sesuai sepanjang zaman dan semua tempat. Justeru tidak pelik sehingga sekarang al-Quran tetap menjadi panduan dan pedoman dalam menempuh kehidupan
- II. Al-Quran kitab agama keseluruhannya. Maksudnya ialah ia menjadi asas kepada agama dan roh Islamnya dan daripadanya diambil roh Aqidah, ibadat, akhlak dan juga usul tasyriq dan hukum hakam
- III. Al-Quran merupakan kitab kemanusiaan sejagat. Hal ini dapat difahami berdasarkan kepada sifat al-Quran itu sendiri yang banyak menekankan kehidupan manusia dengan kalimahnya dan untuk alam sejagat

PENUTUP

Sebagai penutup bagi sesi kali ini.

Daripada Abu Umamah RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

اَقْرُءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْنَابِهِ

Maksudnya: “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya” [Riwayat Muslim (804)]

Semoga kita semua memperoleh syafaat Al-Quran dan baginda Nabi Muhammad SAW pada hari kiamat kelak

NOTA SESI KELIMA: BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT SERTA QADA DAN QADAR

PENDAHULUAN

Maksudnya: "Kemudian (ingatlah keadaan yang berlaku) apabila datang suara jeritan yang dahsyat, pada hari seseorang itu lari dari saudaranya, dan ibu serta bapanya, dan isteri serta anak-anaknya; kerana bagi setiap insan pada hari itu, ada kesibukkan dirinya sahaia."

Dalam Surah Abasa, ayat 33-37 di atas, Allah merakamkan gempita dan keadaan sebahagian manusia saat berlakunya hari kiamat

❖ Beriman Kepada Hari Akhirat

• Definisi dan Kronologi Ringkas

Iktikad (percaya) akan berakhirnya kehidupan dunia dan memasuki kehidupan akhirat selepasnya, ianya bermula dengan kematian dan kehidupan di alam barzakh (kubur), diikuti dengan berlakunya kiamat kemudian dibangkitkan semula (seluruh manusia) dan dihimpunkan di Padang Mahsyar, selepas itu mereka akan menerima balasan sama ada ke syurga atau neraka. Beriman dengan Hari Akhirat merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Tidak sempurna iman seseorang kecuali beriman dengannya, sesiapa yang mengingkarinya adalah kafir. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 177:

وَلِكِنَ الْبَرُّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ

Maksudnya: "Tetapi kebaikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan Hari Akhirat"

1	2	3	4	5
KEMATIAN	ALAM BARZAKH (KUBUR)	HARI KIAMAT	PADANG MAHSYAR	SYURGA DAN NERAKA

- **Nama-nama bagi Hari Kiamat**

Antara namanya yang disebut dalam Al-Quran adalah:

- I. **Hari Kiamat**

Surah Al-Qiyamah, ayat 1:

لَا أُقْسِمُ بِيَوْمٍ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: "Aku bersumpah dengan Hari Kiamat"

- II. **Al-Qari'ah (Hari yang Menggemparkan)**

Surah Al-Qari'ah, ayat 1-2:

۲۰۱ الْقَارَعَةُ اَمَا الْقَارَعَةُ

Maksudnya: "Hari yang menggemparkan, Apa dia hari yang menggemparkan itu?"

- III. **Hari Perhitungan**

Surah Sad, ayat 26:

اللَّهُ هُنَّ الَّذِينَ يَضْلُلُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu"

- IV. **Al-Waqi'ah**

Surah Al-Waqi'ah, ayat 1:

إِذَا وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ

Maksudnya: "Apabila berlaku Hari Kiamat itu"

- **Tanda-tanda Kiamat**

- a. **Tanda-tanda Kiamat Kecil**

Tanda yang menunjukkan hampirnya kiamat, tanda-tanda ini sangat banyak, kebanyakannya telah berlaku walaupun tidak kesemuanya, antaranya:

- I. Kebangkitan Nabi Muhammad
- II. Pemimpin yang terdiri daripada orang yang jahil dan fasik
- III. Menghiasi masjid dan berbangga-bangga dengannya
- IV. Peperangan dengan Yahudi dan orang Islam
- V. Masa menjadi singkat
- VI. Zaman timbulnya fitnah
- VII. Banyak wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya telanjang
- VIII. Banyak berlaku pembunuhan, berleluasanya penzinaan dan kefasikan

b. Tanda-tanda Kiamat Besar

Tanda-tanda atau alamat yang akan berlaku apabila hampir kiamat dan peringatan kepada permulaan akan terjadinya kiamat, tanda-tanda tersebut terdapat sebanyak 10 perkara berdasarkan hadith Nabi Muhamamad SAW

Terdapat hadis yang menyebut tentang tanda-tanda besar kiamat, dalam *Şahîh Muslim* :

عَنْ حُدَيْفَةَ بْنِ أَسِيدٍ الْعَفَارِيِّ، قَالَ اطْلَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْنَا وَنَحْنُ
 نَتَذَكَّرُ فَقَالَ " مَا نَذَاكُرُونَ " . قَالُوا نَذَكُرُ السَّاعَةَ . قَالَ " إِنَّهَا لَنْ تَقُومَ حَتَّى تَرْوَنَ
 قَبْلَهَا عَشْرَ آيَاتٍ " . فَذَكَرَ الدُّخَانَ وَالدَّجَالَ وَالدَّابَّةَ وَطُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَنُرُولَ
 عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَاجُوجَ وَمَلْجُوجَ وَثَلَاثَةَ حُسُوفٍ حَسْفٌ
 بِالْمَشْرِقِ وَحَسْفٌ بِالْمَعْرِبِ وَحَسْفٌ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَآخِرُ ذَلِكَ نَارٌ تَحْرُجُ مِنَ الْيَمِنِ
 تُطْرُدُ النَّاسُ إِلَى مَحْسِرِهِمْ

Maksudnya: Daripada Huzayfah bin Asid al-Ghiffari katanya: Nabi SAW datang kepada kami ketika kami sedang berbincang, lalu Baginda SAW bertanya: “Apa yang sedang kamu bincangkan?”. Mereka menjawab: Kami sedang berbincang tentang hari kiamat. Baginda bersabda: “Sesungguhnya kiamat tidak akan terjadi sehingga kamu melihat **sepuluh tanda sebelumnya**. Baginda menyebutnya: “Al-Dukhān, alDajjāl, al-Dābbah, terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa bin Maryam, Yakjuj dan Makjuj, serta tiga bencana yang menenggelamkan bumi; pertama berlaku di timur, kedua di barat, ketiga di kepulauan Arab, dan terakhir munculnya api dari Yaman yang menghalau manusia menuju ke al-Mahsyar

Antara tanda-tanda tersebut ialah:

I. Munculnya Dajjal

Terdapat sebuah Hadith Mua'z bin Jabal di dalam Sunan Abi Dawud:

عُمَرُ أَنَّ " عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
 بَيْتُ الْمَقْدِسِ حَرَابٌ يَئْرَبُ وَحَرَابٌ يَئْرَبَ حُرُوجُ الْمُلْحَمَةِ وَحُرُوجُ
 الْمُلْحَمَةِ فَنُخْ قُسْطَنْطِينِيَّةً وَفَنْخُ الْقُسْطَنْطِينِيَّةَ حُرُوجُ الدَّجَالِ "

Maksudnya: Daripada Mu'az bin Jabal katanya, sabda Rasulullah SAW: “Kemakmuran Baitulmuqaddis ialah kehancuran Yathrib, kehancuran Yathrib adalah bermulanya al-Malhamah, bermulanya al-Malhamah adalah pembebasan Konstantinopel, dan pembebasan Konstantinopel adalah keluarnya al-Dajjāl”

II. Turunnya Nabi ‘Isa

Nabi Isa turun dari langit dan melaksanakan pemerintahan yang adil, mematahkan salib, membunuh Dajjal dan khinzir, menghapuskan jizyah (bayaran cukai yang dikenakan ke atas orang kafir yang berada di dalam negara Islam) dan melaksanakan syariat (perundangan) Islam

Melalui riwayat al-Nawwās bin Sam’ān, ketika Rasulullah SAW menceritakan tentang perihal kedatangan al-Dajjāl, antara topik yang diceritakan adalah tentang al-Dajjāl memenggal seorang pemuda sehingga terputus menjadi dua bahagian. Menurut baginda Nabi SAW, pada waktu itulah Allah mengutuskan al-Masīh Putera Maryam dan Baginda a.s turun di sebuah menara putih di Timur Damsyik

ثُمَّ يَدْعُو رَجُلًا مِّنْتَلَأْ شَبَابًا فَيُضْرِبُهُ بِالسِّيفِ، فَيُقْطِعُهُ جَزْلَتَيْنِ رَمِيَةً
الغرض، ثُمَّ يَدْعُوهُ، فَيَقْبِلُ، وَيَتَهَلَّ وَجْهَهُ يَضْحَكُ، فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذَ
بَعْثَ اللَّهُ تَعَالَى الْمَسِيحَ ابْنَ مَرِيمٍ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَيَنْزَلُ عَنِ
الْمَنَارَةِ الْبَيْضَاءِ شَرْقِيَّ دِمْشَقَ بَيْنَ مَهْرَوْدَتَيْنِ، وَاضْعَافُ كَفِيهِ عَلَى أَجْنَحَةِ
مَلَكِينَ، إِذَا طَأْطَأَ رَأْسَهُ، قَطَرَ، وَإِذَا رَفَعَهُ تَحْدَرَ مِنْهُ جَمَانٌ
كَاللَّؤْلُؤِ

Maksudnya: “...Setelah itu al-Dajjāl memanggil seorang pemuda yang sasa, kemudian dia memenggal pemuda tersebut dengan pedang sehingga terputus menjadi dua bahagian dengan sekali pukulan, seterusnya dia menyeru mayat itu, lalu pemuda itu datang kepada al-Dajjāl dengan muka berseri sambil mentertawakannya. Dalam keadaan itulah Allah mengutuskan al-Masīh Putera Maryam, baginda turun di sebuah menara putih di Timur Damsyik dengan memakai perhiasan kuning keemasan, sambil meletakkan kedua-dua tapak tangannya di atas dua sayap malaikat...

III. Keluarnya Ya’juj dan Ma’juj

Secara ringkasnya, Ya’juj dan Ma’juj adalah daripada keturunan Adam AS dan boleh dikatakan: Ya’juj adalah satu qabilah dan Ma’juj satu qabilah yang lain. Kedua-duanya daripada golongan manusia dan daripada keturunan Adam AS daripada Yafis bin Nuh

Melalui riwayat al-Nawwās bin Sam'ān, penulis melihat terdapat maksud yang menunjukkan bahawa Yakjuj dan Makjuj akan muncul setelah penurunan Nabi Isa ke bumi:

ثُمَّ يَأْتِي عِيسَى ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَوْمٌ قَدْ عَصَمَهُمُ اللَّهُ مِنْهُ ، فَيَمْسِحُ
عَنْ وُجُوهِهِمْ ، وَيَدْثُرُهُمْ بِدَرْجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ ، فَبَيْنَمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذَا أَوْحَى
اللَّهُ تَعَالَى إِلَى عِيسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي قَدْ أَخْرَجْتُ عِبَادًا لِي لَا
يَدْانُ لِأَحَدٍ بِقَاتِلِهِمْ ، فَحَرَزَ عِبَادِي إِلَى الطُّورِ ، وَبَيْعَثَ اللَّهُ يَأْجُوجَ
وَمَاجُوجَ وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدْبٍ يَنْسِلُونَ

Maksudnya: ...Kemudian Isa bin Maryam pergi ke suatu kaum yang dilindungi oleh Allah daripada al-Dajjal, baginda mengusap wajah mereka dan menceritakan tingkatan mereka di syurga. Pada waktu itu, Allah mewahyukan kepada Nabi Isa a.s. : ‘Sesungguhnya Aku telah mengeluarkan hambaKu yang tiada seorang pun dapat memerangi mereka, maka iringilah mereka ke al-Tūr.’ Lalu Allah mengutuskan Yakjuj dan Makjuj, mereka memenuhi keseluruhan puncak bumi dengan cepat...

IV. Terbitnya matahari dari sebelah barat

Antara hadis yang menyatakan bahawa iman seseorang manusia tidak lagi bermanfaat selepas terbitnya matahari daripada barat ialah daripada Abu Hurairah RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا، فَإِذَا طَلَعَتْ فَرَآهَا النَّاسُ
أَمْنُوا أَجْمَعُونَ، فَدَلِيلُهُ حِينَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيمَانُهَا، لَمْ تَكُنْ آمَنَتْ
مِنْ قَبْلِ

Maksudnya: “Tidak akan berlaku kiamat sehingga matahari terbit daripada barat. Apabila berlaku kejadian itu, manusia segera beriman. Namun pada saat itu tidak bermanfaat lagi iman seseorang yang belum beriman sebelum itu”

V. Keluarnya Al-Dabbah

Al-Dabbah (الدابة) menurut bahasa adalah setiap yang berjalan di atas muka bumi (*Mukhtar al-Sihah*, 101/1)

Menurut istilah pula, al-Dabbah adalah sejenis binatang yang akan keluar di akhir zaman (apabila manusia dalam keadaan yang jauh daripada agama)

Firman Allah dalam Surah al-Naml, ayat 82:

وَإِذَا وَقَعَ الْفَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَابَّةً مِنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ
كَانُوا بِإِيمَانِنَا لَا يُوقِنُونَ

Maksudnya: "Dan apabila tiba masa berlakunya hukuman ke atas manusia, Kami keluarkan bagi mereka Dabbah (sejenis binatang) dari bumi yang akan menyatakan kepada mereka bahawa manusia telah tidak meyakini ayat-ayat (keterangan dan pengajaran) Kami"

VI. Al-Dukhan

(Keluarnya asap tebal dari langit yang menyelubungi dan menutupi manusia)

Melalui petikan Hadith riwayat Masrūq dalam Sahih Muslim:

يَأْتِي النَّاسَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ دُخَانٌ فَيَأْخُذُ بِأَنفَاسِهِمْ حَتَّى يَأْخُذُهُمْ مِنْهُ كَهْيَنَةٍ
الزُّكَامُ

Maksudnya: "...Akan ada asap yang akan mendatangi manusia pada hari kiamat lalu mencabut nyawa mereka seperti mereka terkena selsema..."

VII. Berlaku tiga khusuf (manusia ditelan bumi): di timur, di barat dan di Semenanjung Tanah Arab

Dalam Sahih Bukhari ada menyatakan bahawa:

لَيَكُونُنَّ مِنْ أُمَّتِي أُقْوَامٌ يَسْتَحْلِونَ الْحِرَرَ وَالْحَرَرِ وَالْحَمَرَ وَالْمَعَازِفَ، "
وَلَيَنْزَلَنَّ أُقْوَامٌ إِلَى جَنْبِ عَلَمٍ يَرُوُحُ عَلَيْهِمْ سَارِحةٌ لَهُمْ، يَأْتِيهِمْ - يَعْنِي
الْفَقِيرُ - لِحَاجَةٍ فَيُقْوِلُوا ارْجُعْ إِلَيْنَا غَدًا. فَيُبَيِّنُهُمُ اللَّهُ وَيَضْطَعُ الْعِلْمُ، وَيَمْسُخُ
"آخَرِينَ قِرَدَةً وَخَازِيرَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: "Akan terdapat dalam kalangan umatku golongan yang menghalalkan zina, sutera, arak dan alat muzik. Akan terdapat golongan yang tinggal di puncak bukit sambil didatangi para pembantu yang memenuhi keperluan seharian

mereka. Apabila golongan fakir datang kepada mereka untuk memohon sesuatu, mereka menjawab : ‘Datanglah semula kepada kami esok’. Lantas Allah memusnahkan mereka pada malam itu dengan menggongangkan bukit tersebut sehingga hancur, serta sebahagian mereka diubah rupa menjadi kera dan khinzir sehingga hari kiamat”

- VIII. **Keluarnya api besar dari sebelah ‘Adan** (Yaman) menghalau manusia menuju ke arah Syam (Syria dan Jordan)
Dalam riwayat yang lain, Nabi bersabda:

إِنَّ السَّاعَةَ لَا تَكُونُ حَتَّىٰ تَكُونَ عَشْرُ آيَاتٍ: حَسْفٌ بِالْمَشْرِقِ، وَحَسْفٌ
وَالدَّجَالُ، وَدَابَّةٌ بِالْمَغْرِبِ، وَحَسْفٌ فِي جَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَالدُّخَانُ
الْأَرْضِ، وَيَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ، وَطُلُوعُ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا، وَنَارٌ تَحْرُجُ
مِنْ قُرْبَةِ عَدَنٍ تَرْخُلُ النَّاسُ

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Sa’ah (hari Kiamat) tidak akan berlaku sehingga berlaku sepuluh tanda ini iaitu gerhana di Timur, gerhana di Barat, gerhana di rantau arab, asap, Dajjal, Dabah yang melata di bumi (sejenis haiwan), Ya’jūj dan Ma’jūj, terbit matahari dari Barat, api yang keluar dari lembah Aden yang akan mengiringi manusia ”.

❖ **Perkara Sam’iyat yang Berlaku Selepas Kematian (Kebangkitan dari Alam Kubur)**

Samiyyat adalah perkara-perkara yang tidak dapat diketahui melalui akal atau pancaindera, tetapi hanya dapat diketahui melalui nas al-Quran dan hadith. Terdapat beberapa perkara Sam’iyat yang wajib diimani oleh setiap individu muslim. Antaranya:

I. **Disoal dalam Kubur**

Setiap daripada kita tidak akan terlepas daripada disoal oleh Malaikat Munkar dan Nakir selepas dikebumikan. Maka Allah menetapkan orang-orang yang beriman dengan jawapan yang teguh, sebagaimana yang telah disebutkan di dalam hadith, ketika orang yang beriman disoal mereka akan menjawab:

رَبِّيَ اللَّهُ، وَدِينِيُّ الْإِسْلَامُ، وَنَبِيِّيُّ مُحَمَّدٌ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Tuhanku ialah Allah, agamaku Islam dan nabiku Muhammad ”
(Hadis Muttafaq ‘Alaih)

II. **Nikmat dan Azab Kubur**

Kita wajib beriman dengan azab kubur dan nikmatnya, sama ada kubur itu merupakan satu lubang dari lubang-lubang neraka atau satu taman dari taman-taman syurga. Kubur merupakan perhentian pertama daripada beberapa perhentian akhirat, sesiapa yang selamat daripada azab kubur maka perhentian yang berikutnya akan menjadi lebih mudah baginya dan sesiapa yang tidak terselamat daripada azabnya maka yang seterusnya lebih dahsyat

Firman Allah dalam Surah Ghafir, ayat 46 berkenaan dengan azab kubur:

أَلَّا يُعَرِّضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا صَوْمَ وَيَوْمَ تَقْوُمُ السَّاعَةُ أَذْخُلُوا إِلَيْهَا أَنْشَدَ الْعَذَابَ

Maksudnya: " Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberatberatnya"

III. Tiupan Sangkakala

Tiupan sangkakala ini telah dinyatakan di dalam al-Quran melalui firman Allah SWT dalam Surah Al-Naml, ayat 87:

وَيَوْمَ يُنْفَحُ فِي الصُّورِ فَقَرَعَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ وَكُلُّ أَنْوَهٌ دَاخِرٌ

Maksudnya: Dan (ingatkanlah) hari di tiup sangkakala, lalu terkejutlah - gerun gementar - makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali mereka yang dikehendaki Allah; dan kesemuanya akan datang kepadaNya dengan keadaan tunduk patuh

Kalimah الصُّور yang disebutkan di dalam ayat ini telah dijelaskan maknanya melalui hadith Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr' R.Anhuma:

جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا الصُّورُ قَالَ " قَرْنٌ يُنْفَحُ فِيهِ "

Maksudnya: "Telah datang seorang Badwi kepada Nabi SAW, lalu berkata: "Apakah al-Sur?" Jawab Baginda: "(Semacam) tanduk yang digunakan untuk meniup."

Sebahagian para ulama' menafsirkan tanduk itu dengan terompet

Sebahagiannya lagi berpendapat bahawa alat tiupan tersebut ditakrifkan kepada malaikat Israfil untuk meniupkannya tanpa diketahui kadar besarnya alatan tersebut. (*Mausu'ah al-Akhira*, hlm. 78)¹

Tiupan sangkakala ini berlaku sebanyak dua peringkat mengikut pendapat kebanyakan ulama', iaitu:

- 1) Tiupan sangkakala akan menggegarkan hingga mematikan seluruh makhluk melainkan yang termaktub dalam kalangan mereka yang terkecuali
- 2) Tiupan kedua oleh Malaikat Israfil dengan tiupan yang membangkitkan manusia dari kubur masing-masing yang dianmakan sebagai "Hari Kebangkitan" untuk dihitung amalan

¹ <http://103.233.160.120/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3615-bayan-linnas-siri-ke-204-tiupan-sangkakala-pada-hari-kiamat>

IV. Perhimpunan, Perhitungan dan Pembalasan di Mahsyar

Kita mempercayai bahawa semua jasad akan dihimpunkan, disoal dan akan diadili di antara mereka lalu semuanya akan dihisab berdasarkan amalan yang telah mereka lakukan dan menerima buku amalan masing-masing sama ada dengan tangan kanan atau kiri. Firman Allah dalam Surah al-Kahf, ayat 47:

وَحَسْرَنَهُمْ قَلْمَنْ تُعَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا

Maksudnya: Dan Kami himpukkan mereka (di Padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorang pun daripada mereka”

Sahl bin Sa'd RA berkata: Aku mendengar Nabi SAW bersabda:

يُخْسِرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى أَرْضٍ بَيْضَاءَ عَفَرَاءَ، كُفْرَصَةَ نَقِيٍّ

Maksudnya: “Manusia akan dihimpukkan pada Hari Kiamat atas bumi (tanah) yang putih kemerahan seperti adunan roti yang bersih.” Riwayat al-Bukhari (6521) dan Muslim (790)

Syeikh al-Fauzan mengatakan²: “Allah SWT akan mengumpulkan seluruh manusia setelah mereka bangkit daripada kuburnya. Mereka berjalan menuju mahsyar, sebuah tempat di mana Allah akan kumpulkan makhluk yang pertama sehingga yang terakhir. Mahsyar adalah sebuah tempat yang rata. Tidak ada tempat yang tinggi, tidak pula ada gunung maupun bukit. Tempat yang rata, semua makhluk akan berkumpul di sana.”

V. Kolam Nabi Muhammad SAW (Telaga Kauthar)

Sebuah kolam yang besar dan tempat minum yang mulia, mengalir daripada minuman syurga dan dari sungai Kauthar pada Hari Kiamat, ianya didatangi oleh orang-orang mukmin daripada umat Nabi Muhammad SAW

Antara sifatnya adalah seperti dalam hadith riwayat al-Bukhari, Sabda baginda Nabi SAW:

حَوْضِي مَسِيرَةُ شَهْرٍ، مَاؤُهُ أَبْيَضُ مِنَ اللَّبَنِ، وَرِيحُهُ أَطْيَبُ مِنَ الْمِسْكِ، وَكَيْزَانُهُ كَذُجُومُ السَّمَاءِ، مَنْ شَرَبَ مِنْهَا فَلَا يَظْمَأُ أَبَدًا

Maksudnya: “Kolamku luasnya sebulan perjalanan, airnya lebih putih daripada susu, baunya lebih harum daripada kasturi, bekas minumnya seperti bintang di langit, sesiapa yang meminumnya tidak akan terasa dahaga selama-lamanya”

VI. Syafaat Rasulullah SAW

Keistimewaan syafaat yang agung ini Allah kurniakan khususnya kepada Rasulullah SAW agar dapat membantu umatnya masuk ke dalam syurga di akhirat kelak. Daripada Anas bin Malik, Rasullah bersabda:

شَفَاعَتِي لِأَهْلِ الْكَبَائِرِ مِنْ أُمَّتِي

² <https://maktabahalbakri.com/277-jarak-matahari-pada-hari-mahsyar/>

Maksudnya: “Syafaatku untuk orang-orang yang melakukan dosa besar daripada umatku”

VII. Neraca Timbangan Amalan

Suatu neraca yang Allah dirikan pada Hari Kiamat untuk menimbang amalan hamba-hambanya dan membalaunya menurut amalan mereka. Neraca yang didirikan itu mempunyai dua daun neraca dan jarum, bagi menimbang amalan atau surat catatan amalan atau orang yang melakukan amalan itu sendiri. Firman Allah dalam Surah al-Anbiya', ayat 47:

وَنَصْعَدُ الْمَوْزِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِنْ قَالَ حَبَّةٌ مِنْ حَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا كَفَّا بِنَاحِلِينَ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhlukmakhluk pada) Hari Kiamat, maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung) dan cukuplah Kami sebagai Penghitung”

VIII. Titian Sirat al-Mustaqim

- Kita beriman dengan Sirat Al-Mustaqim iaitu titian yang dibentangkan di atas Neraka Jahannam, suatu laluan yang sungguh menggerunkan dan menakutkan, manusia melaluinya untuk sampai ke syurga

- Orang pertama yang akan melintasinya ialah Nabi kita Muhammad kemudian diikuti pula oleh umatnya

- Antara sifat Titian Sirat Al-Mustaqim adalah:

Lebih tajam daripada pedang, lebih halus daripada rambut, sangat licin, tidak ada kaki yang boleh tetap di atasnya kecuali orang yang ditetapkan kakinya oleh Allah, dibentangkannya di atas neraka di dalam suasana kegelapan, diantar “amanah” dan “rahim” lalu berdiri keduanya di tepi Titian Sirat untuk menjadi saksi kepada mereka yang menjaga amanah dan hubungan silaturrahim atau kepada mereka yang mensia-siakan kedua-duanya

IX. Qantarah

Orang-orang mukmin akan berhenti di Qantarah, suatu tempat di antara syurga dan neraka, setelah melintasi titian Sirat dan terlepas dari neraka. Mereka berhenti di sana untuk menyelesaikan pembalasan bagi segala perkara yang

terjadi di antara mereka sebelum memasuki syurga³. Setelah selesai membalias dan membersihkannya, mereka diizinkan memasuki syurga. Sabda Nabi Muhammad SAW dalam hadith riwayat Bukhari:

يَخْلُصُ الْمُؤْمِنُونَ مِنَ النَّارِ، فَيُحْبَسُونَ عَلَى قُطْرَةٍ بَيْنَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ، فَيُقْصَصُ لِبَعْضِهِمْ مِنْ
 بَعْضٍ، مَظَالِمُ كَانَتْ بِيَنْهُمْ فِي الدُّنْيَا، حَتَّى إِذَا هُدُبُوا وَنَفُوا أَذْنَ لَهُمْ فِي دُخُولِ الْجَنَّةِ،
 فَوَالَّذِي نَفَسَ مُحَمَّدٌ بِيَدِهِ لَأَحَدُهُمْ أَهْدَى بِمَنْزِلَهِ فِي الْجَنَّةِ مِنْهُ بِمَنْزِلِهِ كَانَ فِي الدُّنْيَا

Maksudnya: "Orang mukmin yang telah terselamat daripada api neraka akan ditahan di Qantarah, (satu tempat) di antara syurga dan neraka, setiap daripada mereka akan dibalas bagi setiap kezaliman yang berlaku sesama mereka di dunia, apabila telah selesai membersihkan semua kesalahan, mereka diberi keizinan untuk memasuki syurga. Demi Allah yang diri Muhammad di tanganNya sesungguhnya setiap mereka lebih kenal tempat duduknya di dalam syurga daripada tempat duduknya di dunia"

X. “Al-Jannah” Syurga dan “An-Nar” Neraka

- Kita mengimani akan kewujudan syurga dan neraka kerana di sinilah destinasi terakhir kita selepas dihisab amalan oleh Allah SWT

Syurga: ialah suatu tempat yang sangat mulia yang disediakan oleh Allah bagi orang-orang yang bertakwa pada Hari Kiamat. Lafaz jannah dan pecahannya disebut sebanyak 147 kali dalam Al-Qur'an. Jannah digambarkan sebagai suatu kebun yang nyaman suasannya, dihiasi dengan segala kemegahan yang tidak terhitung, dinaungi oleh pelbagai pokok yang rendang dan terlindung daripada cuaca yang sejuk dan panas.

Di dalam syurga itu terdapat seratus tingkat (darjat). Jarak di antara setiap tingkat (darjat) adalah di antara langit dan bumi dan yang tertingginya ialah Syurga Firdaus

'Ubada bin As-Samit meriwayatkan dalam petikan hadith, sabda Nabi Muhammad SAW:

يَالْجَنَّةِ مِائَةُ دَرَجَاتٍ كَمَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَالْفَرْدَوْسُ أَعْلَاهَا
 درجةً

"Sesungguhnya syurga terdapat 100 tingkat, Allah swt menyediakannya bagi para mujahid di jalan Allah. Di mana antara satu tingkat dengan tingkat berikutnya seperti jarak antara langit dan bumi. Dan tingkatan tertinggi adalah Syurga Firdaus"

Nama Syurga dan Penghuninya

I. Syurga Firdaus

³ Taimiyyah, S. I. I. (2009). *Tawdih Maqasid Aqidah Al-Wasatiyyah*.

Syurga paling masyhur yang mempunyai darjat tertinggi di antara syurga-syurga yang lain dicipta oleh Allah dari emas merah. Syurga ini diperuntukkan untuk orang yang bertakwa kepada Allah SWT, orang yang benar-benar beriman dan beramal soleh serta orang yang takut kepada kebesaran Allah SWT dan menahan diri daripada menuruti hawa nafsu. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud : “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga Firdaus sebagai tempat tetamu (yang serba mewah)*”. (Surah al-Kahfi, ayat 107)

II. Syurga Ma’wa

Syurga Ma’wa dicipta oleh Allah dari zamrud hijau. Syurga Ma’wa diperuntukkan bagi mereka yang selalu takut kepada Allah, dia benar-benar beriman dan beramal soleh serta takut kepada kebesaran Allah SWT dan menahan diri dari menuruti hawa nafsu

III. Syurga ‘Adn

Syurga yang diciptakan oleh Allah daripada mutiara putih. Syurga ini disediakan untuk orang yang beriman dan beramal soleh, orang yang sabar kerana mencari keredaan Tuhannya, mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Allah berikan, menolak kejahatan dengan kebaikan, orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh dan yang membalaq kejahatan dengan kebaikan. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

“(Untuk mereka) syurga ‘And, yang mereka akan memasukinya, yang mengalir padanya beberapa sungai”. (Surah al-Nahl, ayat 31)

IV. Syurga Khuldi

Syurga yang diperuntukkan bagi orang-orang yang taat menjalankan perintah Allah dan menjauhi larangannya

V. Syurga Na’im

Syurga Na’im dicipta oleh Allah SWT dari perak putih. Diperuntukkan untuk orang yang beriman dan beramal soleh, orang yang bertakwa serta yang selalu menolong agama Allah

VI. Syurga Darussalam

Syurga yang didiami oleh orang yang kuat iman dan islamnya, mengamalkan ayat-ayat al-Quran dalam kehidupan sehari-hari dan mengerjakan amal soleh. Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud : *“Bagi merekalah syurga Dar al-Salam (tempat tinggal yang aman sejahtera) di sisi Tuhan mereka, dan Dialah Penolong mereka,*

disebabkan amal-amal (yang baik) yang mereka telah kerjakan.” (Surah al-An’am, ayat 127)

VII. Syurga Darul Muqamah

Syurga yang dicipta oleh Allah daripada permata putih bagi orang yang bersyukur kepada Allah. Orang yang menetap di syurga ini tidak pernah merasa Lelah dan tidak merasa lesu

VIII. Syurga al-Maqamul Amin

Syurga yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Allah berfirman: “Sesungguhnya, orang-orang yang bertakwa berada di dalam tempat yang aman.” (Ad-Dukhan: 51)

Neraka: ialah suatu tempat yang Allah sediakan untuk orang-orang kafir dan orang-orang yang melakukan maksiat. Neraka disebut نَار dengan maksud api. Sebagaimana yang diketahui, api ini merujuk kepada pembakaran dengan kepanasan. Di dalamnya terdapat azab seksaan yang amat dahsyat dan pelbagai jenis siksaan. Penjaganya ialah malaikat yang sangat keras sifatnya dan bengis. Orang-orang kafir akan kekal di dalamnya. Sesungguhnya Allah berfirman dalam surah al-Ahzab, ayat 64-65:

٦٥ إِنَّ اللَّهَ لَعَنِ الْكُفَّارِينَ وَأَعَدَ لَهُمْ سَعِيرًا ٦٤ حَلَالِينَ فِيهَا أَبْدَأَ لَا يَجِدُونَ وَلِيًّا وَلَا نَصِيبًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah melaknat orang-orang kafir dan menyediakan bagi mereka api neraka yang marak menjulang, kekallah mereka di dalamnya selama-lamanya”

Sabda Rasulullah SAW:

“*Api yang digunakan anak Adam adalah 1/70 daripada api Neraka Jahanam.*” Maksudnya jika semua api yang digunakan manusia dikumpulkan, maka itu baru satu bahagian daripada Neraka Jahanam. Jika semua kayu api yang ada di dunia dikumpulkan untuk menyalakan api, maka itu di bumi satu bahagian daripada 70 bahagian panasnya dibandingkan dengan panasnya api yang ada di neraka, sebagaimana dinyatakan dalam hadis lain.”

Nama Neraka dan Penghuninya

I. Neraka Jahanam

Neraka ini dikhaskan kepada umat Baginda Nabi SAW yang kerap berbuat maksiat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Allah SWT berfirman: “*Dan sesungguhnya Jahannam itu benar-benar tempat yang telah diancamkan kepada mereka (pengikut syaitan) semuanya. Jahannam itu mempunyai tujuh pintu. Tiap-tiap pintu (telah ditetapkan) untuk golongan yang tertentu daripada mereka.*” (Surah Al-Hijr ayat 43-44)

II. Neraka Lahza

Peringkat neraka ini merujuk kepada makna menyala-nyala dengan gambaran membakar kaki dan tangan orang yang berpaling daripada tauhid dan risalah Baginda Nabi SAW. Golongan yang masuk dalam neraka ini juga merujuk kepada mereka yang mendustakan al-Quran dan terlalu banyak mencintai duniaawi. Allah SWT berfirman: "*Sekali-kali tidak dapat. Sesungguhnya neraka itu adalah api yang bergejolak, yang mengelupaskan kulit kepala, yang memanggil orang yang membelakang dan yang berpaling (daripada agama). Serta mengumpulkan (harta benda) lalu menyimpannya.*" (Surah Al-Ma'arij ayat 15-18)

III. Neraka Huthamah

Tingkatan neraka ini pula merujuk kepada manusia yang sering bergosip, mengumpat, suka membawa cerita-cerita yang tidak jelas asal usulnya dan mereka yang dan yang sering mengumpulkan harta dan menghitungnya agar dapat dikekalkan. Akibat perbuatan tersebut, mereka akan dicampakkan ke dalam neraka Huthamah ini. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT: "*Kecelakaanlah bagi setiap pengumpat (al-humazah) lagi pencela (al-lumazah), yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitungnya, dia mengira bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya.*" (Surah Al-Humazah ayat 1-3)

IV. Neraka As-Sa'ir

Imam al-Qurtubi menjelaskan neraka As-Sa'ir merujuk kepada api yang sentiasa menyala sejak diciptakan. Digambarkan terdapat 300 istana di dalamnya dan setiap istana ada 300 rumah dan dalam setiap rumah ada 300 jenis seksaan di antaranya ular, kala jengking, tali, rantai, belenggu. Di dalamnya juga terdapat perigi kesedihan. Apabila dibuka, maka penghuni neraka tersebut akan sedih dengan kesedihan yang teramat sangat.

Neraka Sa'ir digambarkan dalam Surah Al-Mulk, ini merupakan seburuk-buruknya tempat kembali. Penghuninya akan mendengar suara yang mengerikan. Hampir saja neraka itu terpecah disebabkan kemarahannya

V. Neraka Jahim

Dinamakan Neraka Al-Jahim kerana neraka ini adalah bara api yang besar iaitu satu bara api sebesar dunia. Jahim akan diisi orang-orang kafir yang mendustakan ayat-ayat Allah SWT, orang-orang yang menentang ayat-ayat Allah dan melemahkan kemahuan untuk beriman dengan membina patung berhala sebagai sembahyan. Allah SWT

berfirman: "Dan diperlihatkan dengan jelas neraka Jahim kepada orang-orang yang sesat dan dikatakan kepada mereka: "Di manakah berhala-berhala yang dahulu kamu selalu menyembah (Nya)." (Surah Asu-Syu'ara ayat 91-92)

VI. Neraka Saqr

Dinamakan Neraka Saqr bermaksud neraka ini akan memakan daging penghuninya tetapi tidak memakan tulang. Neraka ini akan dihuni oleh manusia yang tidak mengerjakan solat, tidak menyantuni orang miskin, kerap membicarakan hal yang batil dan tidak mempercayai kewujudan hari pembalasan. Allah SWT berfirman: "Apakah yang memasukkan kamu ke dalam Saqr (neraka)?" Mereka menjawab: "Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan solat dan kami tidak (pula) memberi makan orang miskin dan adalah kami membicarakan yang batil, bersama orang-orang yang membicarakannya dan adalah kami mendustakan hari Pembalasan." (Surah al-Mudathir ayat 42-46)

VII. Neraka Hawiyah

Dalam riwayat, neraka Hawiyah merujuk tingkatan paling bawah dan tempat dihimpunkan orang-orang munafik. Golongan yang dicampakkan ke dalam neraka ini tidak keluar selama-lamanya

VIII. Neraka Zamharir

Salah satu neraka yang tidak panas tetapi sejuk adalah neraka Zamharir dengan tempat penyiksaan yang memiliki suhu sangat sejuk. Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT: "Mereka tidak merasakan kesejukan di dalamnya dan tidak (pula mendapat) minuman, selain air yang mendidih dan ghossaq, sebagai pambalasan yang setimpal." (Surah An-Naba' ayat 24-26)

❖ Beriman Kepada Qada' dan Qadar

- **Definisi Qada'**

Bahasa: Meletakkan dan memutuskan sesuatu hukum

Istilah: Perkara yang diputuskan oleh Allah SWT terhadap segala makhluknya samada dari sudut menciptakannya, meniadakannya, atau mengubahnya

- **Definisi Qadar**

Bahasa: Menetapkan suatu kadar tertentu

Istilah: Perkara yang telah ditetapkan kadarnya oleh Allah SWT semenjak azali, supaya ia terjadi mengikut ilmu-Nya yang mendahulu akan setiap perkara

- **Martabat Qadar**

- I. Beriman dengan ilmu Allah yang azali yang meliputi setiap sesuatu

Firman Allah dalam Surah Al-Hajj, ayat 70:

الَّمْ تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ بِسِيرٍ

Maksudnya: "Bukankah engkau telah mengetahui bahwasanya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya yang demikian itu ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz). Sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah"

- II. Beriman dengan segala perkara yang telah ditulis di "Lauh Mahfuz" dan beriman bahawa Allah mengetahui semua perkara yang telah ditentukan itu**

Dalam hadith riwayat Muslim, Sabda Baginda SAW:

كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرَ الْخَلَانِقَ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِحَمْسِينَ أَلْفِ سَنَةٍ

"Allah telah menulis semua ketentuan yang akan berlaku kepada makhluk 50 ribu tahun sebelum dijadikan langit dan bumi"

- III. Beriman dengan kehendak Allah yang pasti terjadi dan kuasanya Yang Maha Sempurna**

Firman Allah dalam Surah At-Takwir, ayat 29:

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam

- IV. Beriman bahawa Allah adalah pencipta segala-galanya**

Surah As-Saffat, ayat 96:

وَآلَهَةُ خَلْقِكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Padahal Allah yang mencipta kamu dan perbuatan yang kamu lakukan itu"

- **Perbezaan Qada' dan Qadar**

Qada'	Qadar
Menetapkan kadar sesuatu sebelum memutuskannya agar ia berlaku	Menjadikannya ia berlaku mengikut apa yang ditetapkan
Berlaku selepas Qadar	Berlaku terlebih dahulu sebelum Qada'
Binaan yang dibangunkan	Asas atau Tapak Binaan

- **Ketentuan Allah SWT tidak Menolak Ikthiar Manusia**

Salah faham terhadap takdir Allah boleh menjadikan seseorang tidak ingin berusaha. Ibn al-Jawzi menjelaskan bahawa pemikiran sebegini adalah berbahaya kerana ia bererti seseorang yang berfahaman sedemikian telah mengkritik syariat yang diturunkan oleh Allah SWT

Apa Itu Ikhtiar?

Perkataan ikhtiar diambil dari bahasa Arab, yakni 'ikhtaara' yang bermaksud memilih. Sementara dalam bentuk kata kerja, ikhtiar bererti pilihan atau memilih hal yang baik (khair).

Ikhtiar bermaksud tidak mengenal putus asa disertai dengan keyakinan bahawa rahmat Allah pasti akan datang setelah berikhtiar. Allah memerintahkan para hamba-Nya untuk berikhtiar, dan melarang hamba-Nya daripada sifat berputus asa. Sebagaimana perintah Nabi Ya'akub a.s. kepada anak-anaknya untuk terus berikhtiar dalam mencari berita tentang Nabi Yusuf a.s. dan adiknya Bunyamin. Hal tersebut diabadikan Allah SWT dalam Surah Yusuf, ayat 87:

بِيَنِي أَدْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْيِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْيُسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكُفَّارُونَ

Maksudnya: "Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunyamin), dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir".

Dan Allah juga berfirman dalam Surah al-Ra'd, ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Ayat di atas menjelaskan bahawa manusia sebagai hamba Allah diperintahkan untuk berusaha, bukan untuk bermalas-malasan. Sebab, rahmat Allah turun kepada kita melalui sebab atau usaha yang kita lakukan. Ini bererti kita disuruh berusaha dan jangan pernah berputus asa dalam mencari rahmat serta redha Allah SWT

Setelah berikhtiar dengan segala kemampuan, seterusnya kita dituntut untuk bertawakal iaitu menyerahkan segala usaha yang telah dilakukan itu kepada Allah SWT

Terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Umar bin al-Khattab R.A, Nabi SAW bersabda:

لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقًّا تَوَكِّلُهُ لَرَزَفَكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوْخَ بَطَانًا

Maksudnya: “Seandainya kamu semua benar-benar bertawakkal pada Allah, sungguh Allah akan memberikan kamu rezeki sebagaimana burung mendapatkan rezeki. Burung tersebut pergi pada pagi hari dalam keadaan lapar dan kembali petang harinya dalam keadaan kenyang.”

Dalam menjelaskan maksud hadith ini, Imam al-Munawi berkata: Hal ini menunjukkan bahawa tawakkal tidak boleh dengan meninggalkan usaha. **Tawakkal hendaklah dengan melakukan pelbagai usaha yang akan membawa kepada hasil yang diingini.** Hal ini kerana **burung pun memperoleh rezeki dengan berusaha.** Justeru, hal ini memberi petunjuk kepada kita untuk berusaha mencari rezeki

Rasulullah SAW juga mengisyaratkan bahawa **tawakkal yang sebenarnya bukanlah bererti bermalas-malasan dan enggan melakukan usaha untuk mendapatkan rezeki,** sebaliknya tawakal yang benar hendaklah dengan melakukan pelbagai jenis usaha dan cara yang dihalalkan untuk memperoleh rezeki. (Dinukilkan dalam Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami' al-Tirmizi, 7/8)

PENUTUP

Mencari keredhaan merupakan salah satu daripada ciri atau sifat yang terpuji. Ini kerana, kita dituntut untuk sentiasa mencari keredhaan Allah SWT dan juga keredhaan orang yang berada di sekeliling dengan kita. Ini berdasarkan kepada sebuah hadith:

مَنِ التَّمَسَ رِضَاءَ اللَّهِ بِسَخْطِ النَّاسِ كَفَاهُ اللَّهُ مُؤْنَةُ النَّاسِ، وَمَنِ التَّمَسَ رِضَاءَ النَّاسِ بِسَخْطِ اللَّهِ وَكَلَهُ اللَّهُ إِلَى النَّاسِ

Maksudnya: “Barangsiaapa yang mencari redha Allah sekalipun memperolehi kemurkaan manusia, maka Allah akan cukupkan kebergantungannya terhadap manusia. Barangsiaapa yang mencari redha manusia sekalipun memperolehi kemurkaan Allah, maka Allah akan serahkannya kepada manusia.” [Riwayat al-Tirmizi (2414)]

Syeikh al-Mubarakfuri berkata ketika mensyarahkan hadith ini, maksud Allah SWT akan menyerahkannya kepada manusia adalah Allah SWT akan membiarkan manusia menguasainya dirinya sehingga dia itu akan disakiti atau dizalimi oleh manusia (yang menguasai dirinya itu)

REFERENCE:

ARAB:

- I. Aqidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah, oleh Sheikh Dr Ali Jumu'ah
- II. Al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuhah, oleh Syeikh 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maidani
- III. Umm al-Barahin karya Imam al-Sanusi
- IV. توضیح مقاصد العقیدة الواسطیۃ لشیخ الإسلام ابن تیمیة

BAHASA:

- I. Aqidah dan Pembangunan Modal Insan (Mohd Fauzi Hamat, Mohd Khairul Naim Che Nordin)
- II. Rukun Iman Menurut Perspektif Ahlu Sunnah wal Jamaah, Jabatan Kajian Ilmiah, Universiti Islam Madinah, Edisi Bahasa Melayu